

**SEJARAH PERKEMBANGAN
MUZIUM SENI ASIA UNIVERSITI MALAYA, 1980-2011**

LALITHAMBIAI THANARAJ

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2013/2014**

**SEJARAH PERKEMBANGAN MUZIUM SENI ASIA
UNIVERSITI MALAYA, 1980-2011**

**LALITHAMBIAI A/P THANARAJ
AEE110013**

**PROJEK ILMIAH INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA**

PERPUSTAKAAN -
PERINGATAN ZA'BA

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2013/2014**

Perpustakaan Universiti Malaya



A515890580

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN DAN PENGESAHAN PENYELIA
AEEA3180: PROJEK ILMIAH

Nama: LALITHAMBIAI A/P THANARAJ

No. Matrik: AEE 110013

No. Kad Pengenalan: _____

Jajuk Projek Ilmiah:
Sejarah Perkembangan Muzium Seni Asia
Universiti Malaya, 1980 - 2011.

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Projek Ilmiah ini dan Projek Ilmiah ini adalah asli.
2. Mana-mana penggunaan hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan jelas dan secukupnya.
3. Satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Projek Ilmiah ini.
4. Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Projek Ilmiah ini kepada Jabatan Sejarah, Universiti Malaya yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Projek Ilmiah ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penerbitan atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
5. Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Projek Ilmiah ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Tandatangan Calon

Tarikh: 12 MBI 2014

Dipersetujui penghantaran untuk semakan oleh,

Tandatangan Penyelia

ABSTRAK

Muzium Seni Asia (MSA) yang berada di dalam kampus Universiti Malaya, Kuala Lumpur merupakan sebuah muzium yang unik dan berfungsi sebagai muzium universiti. Tumpuan utama muzium ini adalah untuk mempromosikan seni Asia dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Sebagai sebuah muzium universiti, Muzium Seni Asia cuba menyediakan bahan penyelidikan bagi pelajar, kakitangan universiti dan juga kepada orang luar yang mempunyai minat terhadap seni dan artifak. Muzium ini juga menjalankan pelbagai aktiviti yang menarik untuk memasyarakatkan seni tanah air dan seni Asia. Kajian ini memperinci peranan Muzium Seni Asia dari segi perkembangan struktur organisasi dan aktiviti yang dijalankan untuk mempromosikan koleksi yang terdapat di muzium kepada masyarakat kampus dan orang luar antara tahun 1980 sehingga 2011. Kajian ini mengesan sejarah penubuhan Muzium Seni Asia; mengesan struktur pentadbiran muzium; perkembangan koleksi Muzium Seni Asia dan aktiviti yang dijalankan oleh Muzium Seni Asia untuk mempromosikan seni tanah air dan seni Asia.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya, Dr. Sivachandralingam Sundara Raja, penyelia saya yang sanggup meluangkan masanya yang berharga untuk menyemak dan meneliti latihan ilmiah ini. Dr. Siva banyak memberi nasihat dan membimbing saya dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar, dorongan dan kesanggupan beliau untuk menyelia dan membantu saya dalam kajian ini, mungkin saya terpaksa menghadapi lebih banyak masalah untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Segala tenaga, masa dan jasa beliau tidak akan saya lupakan

Seterusnya, saya merakamkan penghargaan kepada Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, terutamanya kepada En. Abd. Aziz Bin Abdul Rashid, Ketua Muzium Seni Asia yang sudi meluangkan masa beliau untuk membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan penghagaan kepada Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Za' ba yang telah membantu saya secara langsung dan tidak langsung. Dirakamkan juga penghargaan kepada semua pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga tercinta saya serta tidak lupa juga kepada rakan- rakan saya yang banyak memberi sokongan dan dorongan dalam meneruskan kajian ini. Akhir sekali saya ingin mendedikasikan latihan ilmiah ini kepada ibu bapa saya yang tercinta Pn. Susila dan En. Rajamanikam.

Lalithambiai a/p Thanaraj

Jabatan Sejarah

Universiti Malaya

Mei 2014.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
BORANG PERAKUAN PENGESAHAN KEASLIAN	I
ABSTRAK	II
PENGHARGAAN	III
ISI KANDUNGAN	IV
SENARAI GAMBAR	VII
SENARAI JADUAL	VIII
SENARAI RAJAH	VIII
SENARAI LAMPIRAN	VIII
PENGENALAN	1-7
Latar belakang Kajian	1
Persoalan Kajian	2
Objektif Kajian	3
Skop Kajian	3
Kepentingan Kajian	3
Ulasan Literatur	4
Kaedah Penyelidikan	6
Pembahagian Bab	7
BAB SATU: SEJARAH PENUBUHAN MUZIUM SENI ASIA	8-25
Pengenalan	8
Definisi Muzium	8
Sejarah Penubuhan Muzium Seni Asia	11
Sejarah Penubuhan Muzium Seni Asia	
Universiti Malaya Singapura	12
Fungsi Muzium Seni Asia	15
Sejarah Penubuhan Muzium Seni Asia	
Universiti Malaya Kuala Lumpur	16
Asal- usul Muzium	16
Stuktur Pentadbiran Muzium Seni Asia	17
Stuktur Bangunan Muzium Seni Asia	18
Visi Muzium Seni Asia	18
Misi Muzium Seni Asia	20
Operasi Muzium Seni Asia	20
Galeri Seni Universiti Malaya	22

Kesimpulan	24
BAB DUA: STUKTUR PENTADBIRAN MUZIUM SENI ASIA	26- 36
Pengenalan	26
Pentadbiran Muzium Seni Asia	26
Ketua Muzium Seni Asia	27
Kurator	28
Pegawai Projek	29
Juruteknik	30
Pembantu Tadbir Kanan	31
Pembantu Am Pejabat	32
Pembantu Am Pejabat Kanan	32
Pekerja Rendah Awam	33
Tukang	33
Residen Artis	34
Kesimpulan	35
BAB TIGA: KOLEKSI MUZIUM SENI ASIA UNIVERSITI MALAYA	37-57
Pengenalan	37
Koleksi Muzium Seni Asia	38
Kategori Koleksi Muzium Seni Asia	39
Koleksi Seramik dan Tembikar	40
Koleksi Kendi Air	42
Koleksi Tempayan	44
Koleksi Barang Perhiasan dan Istiadat	45
Tepak Sirih	46
Caping	47
Keris	48
Koleksi Tekstil	50
Kain Cindai	50
Koleksi Ukiran Kayu	51
Koleksi Topeng Muka	51
Topeng Muka Neolitik	52
Topeng Muka Ortodok	53
Hudo(Topeng Muka Bagi Kaum Kenyah dan Kayan Sarawak)	53
Koleksi Anyaman dan Kelarai	54
Koleksi Arca dan Ukiran Batu	54
Koleksi Mata Wang	55
Koleksi Lukisan	56
Kesimpulan	57
BAB EMPAT : AKTIVITI LUARAN MUZIUM SENI ASIA	58- 76
Pengenalan	58
Pameran Yang Diadakan Oleh Muzium Seni Asia	58
Pameran Topeng Masyarakat Asia	59

Pameran Seni Tekstil Tradisi Melayu	60
Pameran Seni Bina dan Ukiran Kayu Melayu	61
Pameran Malapetaka Bom Atom: Tragedi Hiroshima dan Nagasaki 1945	63
Seminar Yang Dijalankan Oleh Muzium Seni Asia	64
Seminar Sehari Seni Bina dan Seni Ukiran Kayu Melayu	64
Seminar Tembikar Tradisi Di Malaysia	66
Syarahan Umum dan Bengkel: Mengenali Beberapa Spesis Keris Buatan Semenanjung	67
Media Cetak dan Muzium Seni Asia	69
Buku	69
Bab dalam Buku	71
Artikel Dalam Majalah	72
Media Elektronik	74
Aktiviti Luaran Muzium Seni Asia Melalui Galeri Seni Universiti Malaya (UMAG)	74
Kesimpulan	76
KESIMPULAN	77
LAMPIRAN	80
BIBLIOGRAFI	112

SENARAI GAMBAR

Gambar 1.2: Foyer Muzium Seni Asia

Gambar 1.3: Pintu Masuk Muzium Seni Asia

Gambar 1.4: Gambar ini menunjukkan mantan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia sedang menandatangani buku pelawat sempena perasmian upacara menaiktaraf tingkat Malaysiana Muzium Seni Asia pada 2006.

Gambar 3.1A: Koleksi Tembikar dan Seramik Yang terdapat Di Muzium Seni Asia

Gambar 3.1B: Koleksi Tembikar dan Seramik Yang terdapat Di Muzium Seni

Gambar 3.2: Kendi

Gambar 3.3: Tempayan

Gambar 3.4: Tepak Sirih

Gambar 3.5: Caping

Gambar 3.6: Keris

Gambar 3.7: Kain Cindai

Gambar 3.8: Topeng Hudo

Gambar 3.9: Arca Ganapati (Ganesha) Gwalior, 8M - 10 M

Gambar 3.10: Koleksi Duit Syiling Emas dan Perak

Gambar 3.11: Karya Lukisan M.F. Hussein

SENARAI JADUAL

- Jadual 1.5: Pelawat Muzium Seni Asia
- Jadual 2.1: Stuktur Pentadbiran Muzium Seni Asia
- Jadual 4.1: Kertas Kerja Yang Telah Dibentangkan Dalam Seminar Sehari Seni Bina dan Seni Ukiran Kayu Melayu
- Jadual 4.2: Kertas Kerja Yang Telah Dibentangkan Dalam Seminar Tembikar Tradisi di Malaysia
- Jadual 4.3: Kertas Kerja Yang Dibentangkan Dalam Syarahan Umum dan Bengkel: Mengenali Beberapa Spesis Keris Buatan Semenanjung

SENARAI RAJAH

- Rajah 1.1: Proses Penubuhan Muzium Seni Asia, 1956- 1973

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Penderma Bagi Muzium Seni Asia Kampus Singapura
- Lampiran 2: Artikel yang ditulis oleh William Willetts, Kurator Muzium Seni Asia Dalam Surat Khabar *Bussiness Times* Dari Tahun 1987-1992
- Lampiran 3: Gambar Bangunan Muzium Seni Asia
- Lampiran 4: Gambar Bangunan Galeri Seni universiti Malaya
- Lampiran 5: Peta Lokasi Muzium Seni Asia
- Lampiran 6: Carta Organisasi Muzium Seni Asia
- Lampiran 7: Koleksi – Koleksi Artifak Yang Terdapat Di Muzium Seni Asia
- Lampiran 8: Topeng- Topeng Yang Dipamerkan Dalam Pameran Topeng Masyarakat Asia
- Lampiran 9: Senarai Tekstil Yang Telah Dipamerkan Dalam Pameran Seni Tekstil Tradisi Melayu

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Muzium mempunyai kedudukan yang istimewa serta penting dalam mana- mana negara. Ini kerana muzium merupakan sebuah institusi yang merekodkan salasilah, keturunan dan sejarah sesebuah masyarakat. Perkataan muzium diambil dari istilah "muse" yang berasal dari "Muses" iaitu sembilan orang anak perempuan Dewa Zeus. Menurut mitologi Yunani, Dewa Zeus dikatakan menjaga hal-hal yang berkaitan dengan kebudayaan, keagamaan, pendidikan, kesenian, tragedi dan astronomi. Berasaskan mitologi ini wujud istilah "museion" dalam bahasa Yunani yang bermaksud "tempat tinggal muses".¹

Di Malaysia, muzium merupakan sebuah institusi pendidikan umum yang berperanan untuk menyebarkan maklumat mengenai sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh muzium di negara ini merupakan salah satu usaha yang diharapkan dapat membantu negara membina dan memperkukuhkan jati diri masyarakat di samping menjadi daya tarikan pelancong.² Muzium berperanan untuk mempamerkan pencapaian masyarakat yang meliputi aspek politik, pentadbiran, ekonomi dan sosial. Muzium berperanan sebagai cermin masa lalu yang merakamkan pencapaian masyarakat dan juga berfungsi sebagai gedung pengetahuan yang menyimpan pelbagai bentuk pengetahuan masyarakat melalui artifak- artifak yang terkumpul dan dipamerkan. Pada tahun 1974, Pertubuhan Muzium Antarabangsa telah membuat pentakrifan mengenai muzium seperti berikut:

¹ <http://www.jmm.gov.my/> Jabatan Muzium Malaysia (tarikh diakses 28Sep.2013).

² Ibid.

*Museums is a non profit making, permanent institution in the service of society and its development are open to public which acquire, conserve , research, communicate and exhibit for the purpose of study, education and enjoyment material evidence of man and his environment.*³

Malaysia mempunyai berpuluh-puluh muzium dan dianggarkan terdapat kira- kira 150 buah muzium di seluruh Malaysia. Muzium – muzium di Malaysia boleh diklasifikasikan kepada 5 kategori iaitu Muzium Persekutuan, Muzium Negeri, Muzium Institusi atau Jabatan, Muzium Swasta dan Muzium Persendirian.⁴ Muzium yang dikendalikan oleh kerajaan persekutuan adalah Muzium Negara, Muzium Tekstil, Muzium Pos dan Muzium Angkatan Tentera. Terdapat juga muzium yang dikendalikan oleh kerajaan negeri seperti Muzium Melaka, Muzium Kedah dan Muzium Perak. Selain daripada semua muzium ini, terdapat juga muzium yang didirikan di institusi pengajian tinggi seperti Muzium Seni Asia di Universiti Malaya. Muzium Seni Asia ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1980 dan kekal hingga ke hari ini. Muzium ini pada peringkat awal hanya berperanan dalam mempamerkan karya – karya kepada masyarakat umum tanpa mendekatkan aktivitinya kepada masyarakat. Keadaan ini berubah pada awal abad ke - 21 apabila terdapat usaha untuk memasyarakatkan Muzium Seni Asia dengan mengadakan pelbagai aktiviti luaran (*outreach*).

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan memperinci peranan Muzium Seni Asia dari segi perkembangan struktur organisasi dan aktiviti yang dijalankan oleh muzium. Sejak muzium ini ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1980 ia telah memainkan peranan sebagai institusi yang sangat penting dalam mempamerkan karya-karya simpanannya kepada masyarakat kampus dan orang luar. Justeru,

³Mohd Yusof bin Abdullah, “ Muzium Dan Masyarakat: Fungsi, Objektif, Dan Peranan Muzium Hari Ini” dalam *Jaringan Muzium Asia Timur : East Asia Museum Network*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah et. al., *Jaringan Muzium Asia Timur : East Asia Museum Network* Kuala Lumpur, Institut Perkembangan Minda, 1999, hlm. 91-92.

⁴<http://www.jmm.gov.my/> (tarikh diakses 28 Sep. 2013)

hanya dengan mengkaji peranan organisasi dapat diperhalusi aktiviti yang dijalankan oleh muzium ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk memenuhi objektif berikut;

- (i) Mengesan sejarah penubuhan Muzium Seni Asia.
- (ii) Mengesan struktur pentadbiran Muzium Seni Asia.
- (iii) Mengesan perkembangan koleksi di Muzium Seni Asia.
- (iv) Mengenalpasti aktiviti yang dijalankan oleh Muzium Seni Asia untuk memasyarakatkan seni.

SKOP KAJIAN

Kajian ini meliputi kerangka masa dari tahun 1980 hingga 2011. Tahun 1980 dipilih sebagai permulaan kajian kerana pada tahun inilah Muzium Seni Asia ditubuhkan secara rasmi di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kajian ini ditamatkan pada tahun 2011 kerana pada tahun inilah aktiviti luaran (*outreach*) yang dijalankan oleh Muzium Seni Asia telah mencapai kemuncak.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana adalah sesuatu yang menghairankan untuk melihat sebuah muzium berfungsi dalam sesebuah institusi pengajian tinggi. Muzium Seni Asia merupakan satu- satunya muzium terawal yang beroperasi dalam universiti di Malaysia. Kajian ini juga akan mengisi kekosongan dalam penulisan tentang sejarah dan perkembangan Muzium Seni Asia. Kajian ini mampu memberi pendedahan tentang fungsi, jenis koleksi dan aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium.

Kajian ini juga penting kerana Muzium Seni Asia bukan sekadar berperanan sebagai institusi yang memajukan seni untuk seni tetapi seni untuk masyarakat. Ini terbukti dari usaha mendapatkan khidmat residen artis dan mengadakan jalinan kerjasama dengan pelajar luar negara.

KAJIAN LITERATUR

Kajian ini dilakukan berasaskan hasil penulisan (*literature*) yang telah dilakukan terhadap penulisan tentang Muzium. Daripada penyelidikan yang dilakukan terbukti tiada penulisan yang secara khusus menghalkan tentang sejarah dan perkembangan Muzium Seni Asia serta aktiviti yang dilakukan oleh institusi yang meliputi aktiviti *outreach*. Penulisan yang sedia ada tentang muzium sebahagian besarnya meliputi maksud muzium, peranan yang dimainkan oleh muzium dan peranan muzium terhadap masyarakat.

Penulisan Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur East Asia Museum Network*;⁵ Lim Thean Soo, *Comparative Museology and Museography in Asean*;⁶ Timothy Ambrose and Crispin Paine, *Museum Basics*;⁷; Lois H. Silverman, *The Social Work Of Museums*;⁸ dan Ross Parry (ed.), *Museums in a Digital Age*,⁹ telah memberikan tumpuan kepada maksud muzium, peranan muzium, peranan muzium terhadap masyarakat serta cabaran muzium menjelang abad ke-21. Kesemua kajian ini dapat memberikan maklumat yang jelas mengenai peranan muzium dalam masyarakat secara umum dan ini membantu dalam meneliti samada Muzium Seni Asia mewakili budaya dan peranan muzium seperti yang dihalkan oleh para sarjana ini. Penulisan ini juga memberikan idea secara

⁵ Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur : East Asia Museum Network*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda, 1999.

⁶ Lim Thean Soo, *Comparative Museology and Museography in Asean*, Manila: Association of Southeast Asian Nations Committee on Culture and Information, 1978.

⁷ T. Ambrose dan C. Paine, *Museum Basics*, London: Routledge, 1993.

⁸ L. H. Silverman, *The Social Work Of Museums*, New York: Routledge, 2010.

⁹ R. Parry (ed.), *Museums in a Digital Age*, New York: Routledge, 2010.

keseluruhan mengenai konteks muzium secara umum dan peranannya di peringkat antarabangsa.

Penulisan *40 Tahun Muzium Negara (1963-200)*¹⁰, Juhazniza Musa, *Sejarah perkembangan Muzium Negara dari tahun 1963 hingga 2004*,¹¹ Syahrul Nizam Junaini, *Muzium : Institusi Warisan Bangsa*,¹² Harris, Mark, *Muzium Negara Kuala Lumpur: Sejarah dan Kebudayaan Malaysia*.¹³ telah membincangkan tentang sejarah dan perkembangan Muzium Negara. Ini menunjukkan kajian yang terdahulu lebih menumpukan kepada Muzium Negara. Kajian ini pula dapat memberikan maklumat mengenai peranan muzium dalam konteks universiti dan sejauhmana Muzium Seni Asia menyerupai peranan Muzium Negara.

Selain itu, terdapat juga kajian atau penulisan yang menyentuh tentang koleksi seni atau bahan yang terdapat di Muzium Seni Asia seperti Khoo Joo Ee, *Kendi Pouring Vessels in the University of Malaya Collection*,¹⁴, *Seni Tekstil Tradisi Melayu*,¹⁵ *Songket: Satu Warisan Malaysia*¹⁶ dan Syed Ahmad Jamal, menerusi penulisannya *Rupa Dan Jiwa*.¹⁷ Para penulis ini telah membincangkan koleksi yang terdapat di Muzium Seni Asia serta pameran yang telah dianjurkan oleh muzium. Kajian ini dapat memberikan maklumat tentang sejarah awal penubuhan Muzium Seni Asia serta hasil- hasil seni yang terdapat dalam muzium dan sejauhmana seni tersebut telah dimasyarakatkan. Penulisan Khoo Joo Ee, *Kendi Pouring Vessels in the University of Malaya Collection*, *Seni Tekstil Tradisi*

¹⁰ *40 Tahun Muzium Negara (1963-2003)*, Kuala Lumpur : Jabatan Muzium Negara, 2003.

¹¹ Juhazniza Musa, "Sejarah Perkembangan, *Muzium Negara dari tahun 1963 hingga 2004*," Desertasi Sarjana. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2008.

¹² Syahrul Nizam Junaini, *Muzium : Institusi Warisan Bangsa*: Dewan Budaya, 2008.

¹³ Harris Mark, *Muzium Negara Kuala Lumpur : Sejarah dan Kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co., 1990.

¹⁴ Khoo Joo Ee, *Kendi Pouring Vessels in the University of Malaya Collection*, Singapore: Oxford University Press, 1991.

¹⁵ *Seni Tekstil Tradisi Melayu*, Kuala Lumpur: Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, 1996.

¹⁶ *Songket: Satu Warisan Malaysia*, Petronas: Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, 1999.

¹⁷ Syed Ahmad Jamal, *Rupa Dan Jiwa*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1979.

Melayu, telah membincangkan tentang sejarah awal penubuhan Muzium Seni Asia dan koleksi bahan seni seperti kendi dan tekstil Melayu.

Berdasarkan kajian literatur amat jelas, tidak ada penulisan yang secara khusus membincangkan sejarah dan perkembangan Muzium Seni Asia. Kajian ini pastinya dapat mengisi kekosongan dalam penulisan tentang sejarah dan perkembangan Muzium Seni Asia dan mampu untuk memberi pendedahan tentang fungsi, koleksi dan kepentingan serta faedah yang diperolehi menerusi pelaksanaan aktiviti- aktiviti luaran muzium dalam usaha memasyarakatkan bahan muzium.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan melalui kajian perpustakaan, temuduga dan kajian lapangan. Kaedah pertama adalah dengan merujuk laporan tahunan, keratan akhbar dan sumber- sumber lain yang menghalkan tentang muzium. Kaedah yang kedua ialah temuduga. Mereka yang akan ditemuduga ialah pengarah muzium. Tujuannya adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang sejarah, peranan serta aktiviti- aktiviti yang dijalankan oleh Muzium Seni Asia. Kaedah pemerhatian pula dilakukan dengan cara meluangkan masa di Muzium Seni Asia bagi memahami dengan lebih baik peranan yang dimainkan oleh pihak muzium dalam melaksanakan aktiviti dan memasyarakatkan karya muzium kepada masyarakat umum.

Pembahagian Bab

Bab-bab yang dicadangkan adalah seperti berikut :

Bab 1 : Sejarah Penubuhan Muzium Seni Asia

Bab pertama ini akan menghalkan tentang pengertian muzium, latar belakang penubuhan Muzium Seni Asia, sejarah perkembangan muzium dan pembukaan muzium secara rasmi. Tujuannya adalah untuk mengetahui sejarah penubuhan Muzium Seni Asia.

Bab 2 : Struktur Pentadbiran Muzium Seni Asia

Bab ini akan menghalkan pentadbiran Muzium Seni Asia yang meliputi stuktur organisasi, nama dan fungsi bahagian serta perubahan yang berlaku dalam struktur organisasi Muzium Seni Asia. Tujuannya adalah untuk mengetahui bidang kuasa setiap bahagian pengurusan muzium yang memelihara dan mempromosikan bahan dan hasil karya seni tanah air dan seni Asia kepada masyarakat umum.

Bab 3 : Koleksi Muzium Seni Asia Universiti Malaya

Bab ini akan memperinci koleksi yang terdapat di Muzium Seni Asia. Tujuannya adalah untuk mengetahui jenis- jenis koleksi seperti koleksi seramik dan tembikar, koleksi tekstil, koleksi barang perhiasan dan istiadat, koleksi anyaman dan kelarai, koleksi ukiran dan kayu dan koleksi lukisan. Dengan memperinci koleksi dapat dikesan fungsi, keistimewaan dan asal- usul koleksi.

Bab 4: Aktiviti Luaran Muzium Seni Asia

Bab ini akan memperinci aktiviti yang dijalankan oleh muzium untuk mempromosikan koleksi yang terdapat dalam simpananya. Pembuktian ini akan dibuat dengan mengesan aktiviti- aktiviti luaran muzium melalui pameran, seminar, media cetak, media elektronik, dan melalui Galeri Seni Universiti Malaya.

Bab 5: Kesimpulan

Bab ini adalah penilaian menyeluruh tentang peranan Muzium Seni Asia sejak penubuhan hingga tahun 2011.

BAB SATU

SEJARAH PENUBUHAN MUZIUM SENI ASIA

Pengenalan

Muzium merupakan satu tempat dimana sejarah, khazanah dan identiti sesebuah negara dan masyarakat disimpan dan dijaga untuk rujukan serta panduan. Muzium juga mempunyai kedudukan yang istimewa dalam sesebuah negara dan berperanan untuk merakamkan pencapaian masyarakat dalam pelbagai bidang dan lapangan. Segala informasi ini disampaikan kepada masyarakat umum dalam bentuk lukisan, tulisan dan artifak. Bab ini akan memperihalkan peranan Muzium Seni Asia dimulakan dengan penjelasan tentang erti muzium, latar belakang penubuhan Muzium Seni Asia, sejarah perkembangan muzium dari kampus Singapura Universiti Malaya kepada kampus Kuala Lumpur dan pembukaan muzium secara rasmi.

Definisi Muzium

Perkataan muzium mempunyai pelbagai maksud. Pandangan tradisional menyatakan bahawa muzium adalah sebuah tempat atau bangunan untuk menyimpan dan mempamerkan barang-barang yang pelik dan ajaib. Muzium di Malaysia pada masa dahulu digelar sebagai 'sekolah gambar' kerana muzium pada waktu itu merupakan sebuah tempat pertunjukan yang mempamerkan benda-benda purba dan gambar-gambar sejarah.¹ Dalam kamus *Oxford* dan ensiklopedia *Britannica* perkataan muzium didefinisikan sebagai

*...a building used for storing and exhibiting objects of historical, scientific or cultural interest.*²

¹Othman Yatim, "Peranan Muzium Dalam Mendidik Masyarakat: Pendidikan Formal Dan Tidak Formal" dalam *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda, 1999, hlm.233.

² *The Concise Oxford Dictionary of Current English*, 4th edition, Oxford: Clarendon Press, 1995, hlm. 896; *The New Encyclopedia Britannica*, vol.24, New York: University of Chicago Press, 1993, hlm. 480-492.

Perkataan 'Muzium' dalam bahasa Malaysia berasal daripada perkataan Inggeris, iaitu 'MUSEUM'. Perkataan Inggeris ini pula berakar umbi daripada perkataan Yunani Klasik iaitu 'mouseion' yang membawa maksud ; 'seat of the Muses', 'MUSE' bermaksud 'HIBUR' (*Amusement* : hiburan).³ Pada zaman Yunani Klasik muzium dikenali juga sebagai ;

*...a place sacred to the Muses specifically, the great institution for literature and scientific studies built and equipped by Ptolemy I at Alexandria, which was virtually a university of the Hellenistic world.*⁴

Bidang permuziuman merupakan sebuah bidang yang terkenal dan sangat penting di peringkat antarabangsa. Oleh itu, sebuah badan yang dikenali sebagai ICOM (*International Council of Museums*) telah ditubuhkan di peringkat antarabangsa bagi mengawal bidang permuziuman ini. Antara tujuan badan ini ditubuhkan adalah untuk membantu muzium menyelenggarakan kerjasama antara muzium dan antara anggota profesion permuziuman, bagi mengenegahkan kepentingan muzium dan profesion permuziuman dalam setiap bidang kehidupan dan meningkatkan pengetahuan serta menjalin persefahaman yang semakin luas diperingkat antarabangsa. ICOM juga telah merumuskan definisi muzium pada Mesyuarat Agung ke - 11 di Copenhagen, Denmark pada 14 Jun 1974 seperti berikut;

*A museum is a non – profit making, permanent institution in the service of society and of its development, and open to the public, which acquires, conserves, communicates, and exhibits for purposes of study, education, and enjoyment, material evidence of man and environment.*⁵

³Othman Yatim, "Peranan Muzium Dalam Mendidik Masyarakat: Pendidikan Formal Dan Tidak Formal" dalam *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, hlm.234.

⁴Ibid, hlm 234; Ayuni Rezwan, *DiManakah Budaya Bangsa Dipelihara?*, Sri Muzium dan Kota Warisan Malaysia: Penerbitan Premier, Jilid 1, hlm. iii.

⁵Peter Woodhead dan Geoffrey Stansfield, *Keyguide To Information Sources In Museum Studies*, London: Mansell Publishing Limited, 1994, hlm. 4; T.Ambrose dan C. Paine, *Museum Basics*, London:

Selain itu, British Museums Association's juga telah merumuskan definisi muzium mengikut kegunaan masa kini dalam Mesyuarat Agong pada 1984 seperti berikut;

A museum is an institution which collects, documents, preserves, exhibits and interprets material evidence and associated information for the public benefit.

'Institution' implies a formalized establishment which has long term purpose. 'Collects' embraces all means of acquisition. 'Documents' emphasizes the need to maintain records. Preserves includes all aspects of conservation and security. 'Exhibits' confirms the expectation of visitors that they will be able to see at least a representative selection of the objects in the collections. 'Interprets' is taken to cover such diverse fields as display, education, research and publication. 'Material' indicates something that is tangible, while 'Evidence' guarantees its authenticity as the real thing. 'Associated information' represents the knowledge which prevents a museum object being merely a curio, and also includes all records relating to its past history, acquisition and subsequent usage. 'For the public benefit' is deliberately open ended and is intended to reflect the current thinking, both within our profession and outside it, that museums are servants of society.

Manakala The American Association of Museums telah merumuskan definisi muzium seperti berikut;

A non-profit permanent, established institution, not existing primarily for the purpose of conducting temporary exhibitions, exempt from federal and state income taxes, open to the public and administered in the public interest, for assembling, and exhibiting to the public for its instruction and enjoyment objects and specimens of educational and cultural value, including artistic, scientific (whether animate or inanimate), historical and technological material. Museums thus defined shall include botanical gardens, zoological parks, aquaria, planetaria, historical societies, and historic houses and sites which meet the requirements set forth in the preceding sentence.⁶

Dapatlah dirumuskan muzium adalah sebuah tempat atau bangunan yang menyimpan dan mempamerkan barangan silam pada masa kini. Oleh itu, muzium haruslah mendedahkan sebarang penemuan yang mempunyai signifikan sejarah.

Routledge, 1993, hlm.8; Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur* Othman Yatim, "Peranan Muzium Dalam Mendidik Masyarakat: Pendidikan Formal Dan Tidak Formal" dalam *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, hlm. 236-237.

⁶ T. Ambrose dan C. Paine, *Museum Basics*, London: Routledge, 1993, hlm. 8.

Sejarah Penubuhan Muzium Seni Asia

Muzium–muzium di Malaysia boleh diklasifikasikan kepada 5 kategori iaitu Muzium Persekutuan, Muzium Negeri, Muzium Institusi atau Jabatan, Muzium Swasta dan Muzium Persendirian yang setiap satunya mempunyai objektif, fungsi dan peranan yang berbeza. Selain daripada semua muzium ini terdapat juga muzium yang didirikan di institusi pengajian tinggi seperti Muzium Seni Asia. Muzium Seni Asia (MSA) yang terletak di dalam kampus Universiti Malaya, Kuala Lumpur merupakan sebuah muzium yang unik dan berfungsi sebagai muzium universiti. Tumpuan utama muzium ini adalah untuk mempromosikan seni Asia dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Muzium ini menyimpan pelbagai khazanah warisan khususnya daripada tamadun Asia untuk tatapan generasi muda. Sehingga kini muzium ini mempunyai 7,000 buah seramik dari Malaysia, Thailand, Cambodia, Vietnam, China, Jepun, India dan Iran.⁷

Selain itu, Muzium Seni Asia juga mempunyai bahan koleksi lain seperti koleksi kendi air yang terbesar di dunia, koleksi seramik dari China, patung Hindu/Buddha, tekstil Melayu, ukiran batu, koleksi lukisan Islam dari negara- negara Asia, bahan- bahan anyaman, lukisan pelukis tempatan, bahan tembaga, senjata dan layang – layang dan juga topeng komuniti orang asli.⁸

Muzium Seni Asia ini juga berperanan sebagai sebuah organisasi berorientasikan pendidikan yang cuba menyediakan bahan penyelidikan bagi penuntut, kakitangan universiti dan bagi orang perseorangan yang berminat dalam bidang penyelidikan artifak sejarah dan seni. Menurut bekas Naib Canselor Universiti Malaya, Prof, DiRaja Ungku A. Aziz, tujuan Muzium Seni Asia ditubuhkan adalah untuk mengumpulkan pelbagai jenis

⁷ *Laporan Tahunan Universiti Malaya*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011, hlm. 47.

⁸ *Ibid.*

bahan sejarah yang dapat menjadi contoh kebudayaan seluruh masyarakat termasuk bahan sejarah Melayu, Islam, Cina dan Arab. Menurutnya Muzium Seni Asia berusaha untuk memperkenalkan kepada pelajar universiti mengenai warisan sejarah melalui bahan-bahan peninggalan sejarah yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman.⁹ Muzium ini juga menjalankan usaha untuk mengetengahkan muzium sebagai salah sebuah pusat pendidikan secara tidak formal dan dibuka untuk para pelawat luar. Melalui pendekatan ini, pihak muzium berharap mereka dapat menarik orang ramai terutamanya generasi muda untuk menghargai variasi kebudayaan dan seni warisan di serantau Asia.

Idea penubuhan muzium ini bermula setelah muzium menerima artifak pertama iaitu sebuah kepala Buddha yang diperbuat daripada gangsa yang dipercayai berasal dari zaman Chiengsen, Thailand antara 1400-1550 SM. Kun Krassri Nimanamhasminda wakil kerajaan Thailand telah memberikan Kepala Buddha tersebut sebagai hadiah kepada muzium pada tahun 1954. Peristiwa ini kemudiannya telah menjadi batu asas kepada permulaan Muzium Seni Universiti Malaya yang pada masa itu bermula di kampus universiti yang terletak di Singapura.¹⁰

Sejarah Penubuhan Muzium Seni Asia Universiti Malaya Singapura

Sejarah penubuhan Muzium Seni Asia telah bermula sejak tahun 1955. Pada waktu itu muzium ini telah dibuka di Kampus Universiti Malaya yang terletak di Jalan Bukit Timah, Singapura. Muzium tersebut telah dibuka di sebuah ruang kecil di bangunan perpustakaan universiti pada bulan april tahun 1956. Kurator pertama bagi muzium yang berada di Singapura ialah Profesor Sullivan. Selepas Profesor Sullivan, William Willetts telah menjadi Kurator bagi muzium ini selama 10 tahun iaitu dari tahun 1963-1973. Kemudian beliau telah dipilih untuk menjadi Kurator bagi Muzium di kampus Universiti

⁹“Koleksi Muzium Seni Asia”, *Budiman*, 15 Januari 1987, hlm. 2.

¹⁰ “Keistimewaan Muzium Seni Asia”, *Budiman* Mac 2006, hlm. 19.

Malaya, Kuala Lumpur. Beliau telah bersara pada tahun 1982.¹¹ Muzium ini kekal di tempat tersebut sehingga tahun 1957. Oleh kerana berlaku pertambahan koleksi baru maka lokasi di Singapura didapati tidak sesuai disebabkan kekurangan kawasan untuk mempamerkan koleksi. Maka pada bulan Ogos 1958, melalui pendermaan, muzium tersebut telah dipindahkan ke Univeristi Malaya yang mempunyai kawasan yang luas. Muzium Kesenian ini telah ditubuhkan sebagai pusat penyelidikan bagi universiti dan untuk menikmati kesenian. Muzium ini juga telah dijadikan sebagai tempat untuk memberi pengetahuan tentang kesenian kepada mahasiswa yang akan menuntut kursus sejarah kesenian selama 2 tahun, dan sebuah pusat penyelidikan arkeologi (ilmu barang kuno) Asia Tenggara.¹² Satu pencapaian Muzium Seni Asia ialah pengumpulan koleksi yang penuh dengan kesenian dan keunikan yang tersendiri dari semua tamadun Asia.

Muzium kesenian ini dapat ditubuhkan dengan sumbangan penderma. Ramai individu dan badan telah memberikan sumbangan dalam bentuk barangan dan kewangan. Antaranya, pemberian daripada Malcolm MacDonald¹³ yang terdiri daripada barang geraba eksport China; pemberian yang berharga daripada Dr. Wu Lien- the;¹⁴ pemberian daripada kerajaan Cambodia melalui Kun Karisri Nimanhaeminda dan pada tahun 1959 kerajaan India juga telah menyampaikan barangan yang bernilai tinggi. Lee Kong Chian Endowment Fund juga turut memberikan sumbangan untuk membeli barangan yang penting untuk ditempatkan di muzium tersebut. Penderma yang telah menderma bagi membeli koleksi dan juga untuk menubuhkan muzium ini di kampus Kuala Lumpur ialah Tan Chong &

¹¹John N. Miksic (ed.), *Southeast Asian Ceramics: New Light on Old Pottery*, Singapore: Southeast Asian Ceramic Society, 2009, hlm. 13-16; Georg Wiessala, *European Studies in Asia: Contours of a Discipline*, London: Routledge, 2014, hlm. 112-113.

¹²N.N. Edzan dan Abdul Aziz Rashid, "The Museum of Asian Art, University of Malaya : An Invitation to Explore," Kertas dibentangkan di APRU Research Symposium on University Museums: Forming a University Museum Collection Network as the Core of Frontier Research", 11-14 Sep 2012 : Kyoto, Japan.

¹³Malcolm MacDonald telah memegang jawatan sebagai Gabenor Jeneral Asia Tenggara antara tahun 1948 hingga 1955. Beliau juga telah menjadi Chanselor Universiti Malaya yang pertama antara 1949 hingga 196. (<http://ensources.nlb.gov.sg/8/5/20149.46a.m>).

¹⁴ Maklumat mengenai barangan yang diberikan tidak jelas.

Sons Motor Co. Sdn Bhd; KL. Kepong Berhad; Batu Kawan Berhad; Parit Perak Holdings Berhad; En. Ng Tian Ming; Ajinomoto (Malaysia) Bhd; Tan Sri Lee Yan Lian; Magnum Corporation; Lee Foundation; Malaysian Tobacco Company; Yayasan Mohamed Noah; Tan Sri Dato Seri Osman Bin Talib; Tan Sri Dato Lee Loy Seng dan United Motor Works Bhd.¹⁵


Koleksi yang terdapat di Muzium Seni Asia dapat dibahagikan kepada 5 kumpulan. Kumpulan pertama ialah Seni Lukis Malaya. Koleksi ini terdiri daripada kumpulan lukisan pelukis-pelukis moden Malaya. Kumpulan koleksi yang kedua ialah Kesenian Asia Tenggara dan kumpulan ketiga meliputi koleksi Malaya dengan Dunia Islam. Kumpulan yang keempat ialah kesenian Hindu dan Buddha yang kebanyakannya terdiri daripada koleksi seni ukir. Kumpulan yang kelima ialah koleksi seramik dan lain-lain barangan termasuk barang geraba China yang mewakili zaman Neolitik (zaman batu) sehingga kurun ke -18 dan juga barangan dari negara Thailand, Cambodia dan Annam.¹⁶

Secara keseluruhan, sejarah awal penubuhan Muzium Seni Asia telah bermula dari tahun 1956-1973. Rajah disebelah menunjukkan proses penubuhan Muzium Seni Asia dari tahun 1956- 1973 secara lebih teliti.

¹⁵ Wawancara dengan, En. Abdul Aziz, Ketua Muzium Seni Asia, pada 21 Februari 2014.

¹⁶ Michael Sullivan, *University of Malaya Art Museum = Muzium Kesenian Universiti Malaya*, Singapore, University of Malaya, 1959.

Rajah 1.1: Proses Penubuhan Muzium Seni Asia, 1956- 1973



Sumber: N.N Edzan dan Abdul Aziz Rashid, *The Museum of Asian Art, University of Malaya : An Invitation to Explore*, APRU Research Symposium on University Museums: Forming a University Museum Collection Network as the Core of Frontier Research, 11-14 Sep 2012, Kyoto, Japan.

Fungsi Muzium Seni Asia

Muzium Seni Asia memang terkenal dengan koleksi seni dan artifak. Koleksi seni dan artifak yang dimiliki oleh muzium terdiri daripada koleksi seni tanah air dan koleksi seni Asia. Antara koleksi yang terdapat di Muzium Seni Asia ialah koleksi seramik dan tembikar, koleksi tekstil, koleksi barang perhiasan dan istiadat, koleski anyaman dan kelarai, koleksi ukiran kayu dan koleksi matawang.

Selain daripada memaparkan himpunan koleksi seni tanah air dan seni Asia, Muzium Seni Asia ini juga menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan seperti memberi keterangan atau maklumat mengenai koleksi untuk tujuan rujukan atau kajian pelajar,

menyampaikan taklimat mengenai muzium kepada pelawat terutamanya kepada rombongan sekolah, mengadakan pameran sementara di luar dari premis muzium, menganjurkan pameran, seminar atau persidangan bengkel seperti 'Pameran Tekstil dan Busana Muslim Koleksi Muzium Seni Asia' pada 15 September 1996 hingga 30 September 1996¹⁷ serta menyewakan alat muzik gamelan, papan biru dan artifak untuk pelbagai jenis majlis.

Sejarah Penubuhan Muzium Seni Asia Universiti Malaya Kuala Lumpur Asal-usul Muzium

Pada tahun 1962, selepas kampus Universiti Malaya telah ditubuhkan di Kuala Lumpur sebuah bahagian khas di perpustakaan Universiti telah digunakan bagi mempamerkan bahan-bahan kesenian.¹⁸ Disebabkan berlakunya pertambahan koleksi, sebuah bangunan khas bagi muzium ini telah direka bagi menempatkan koleksi seni. Pada Jun 1980, sebuah bangunan khas bagi Muzium Seni Asia telah didirikan di antara Fakulti Undang-Undang (bangunan sekarang ialah Fakulti Perniagaan dan Perakaunan) dan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran. Bangunan ini mempunyai tiga tingkat dan pembukaan Muzium telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tunku Hajjah Bahiyah binti Almarhum Tunku Abdul Rahman, bekas Canselor, Universiti Malaya pada 20hb Jun 1980. Beliau merupakan Canselor Universiti Malaya yang kedua selepas Tunku Abdul Rahman dan juga merupakan Canselor wanita yang pertama. Keistimewaan bangunan muzium ini ialah bahagian pintu hadapan. Sebahagian daripada bahagian pintu hadapan Muzium Seni Asia telah diperoleh daripada istana Sultan Muhammad ke – IV (lewat abad ke-19 M), yang

¹⁷Abdul Aziz Abdul Rashid, " Koleksi Muzium Seni Asia" dalam *Jaringan Muzium Asia Timur*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah et. Al., *Jaringan Muzium Asia Timur*, hlm. 188.

¹⁸ Hashim Yaacob, *Royal Professor Ungku A. Aziz The Renaissance Man*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2010, hlm. 11; *Risalah Muzium Seni Asia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

berasal dari Kota Bahru, Kelantan. Dinding kayu yang terdapat pada pintu tersebut mengandungi ukiran tebukan bentuk tumbuhan dan ayat Khat Thuluth.¹⁹

Idea untuk menubuhkan Muzium Seni Asia ini telah diilhamkan oleh bekas Naib Canselor Universiti Malaya, Prof, DiRaja Ungku A. Aziz. Beliau telah melakukan usaha untuk menubuhkan muzium ini selepas beliau menjadi Naib Canselor pada tahun 1968. Dalam masa 20 tahun sebagai Naib Canselor, beliau juga telah banyak memberi sumbangan dan sokongan untuk mewujudkan sebuah koleksi kendi yang besar dan kini Muzium Seni Asia menjadi kebanggaan semua kerana mempunyai koleksi kendi air yang terbesar di dunia.²⁰ Muzium Seni Asia juga telah muncul sebagai muzium universiti bertaraf dunia.

Struktur Pentadbiran Muzium Seni Asia

Muzium Seni Asia pada mulanya diletakkan di bawah Canseleri dibawah perpustakaan. Pentadbiran Muzium Seni Asia ditukar lagi ke bahagian lain dan diletakkan dibawah Jabatan Pengajian Melayu. Muzium ini sekali lagi telah diletakkan dibawah kelolaan perpustakaan. Muzium Seni Asia sejak penubuhan mempunyai beberapa orang pegawai. Pegawai pertama ialah William Willetts yang telah mentadbir Muzium Seni Asia antara 1973-1982. Ini diikuti oleh pegawai kedua iaitu Khoo Joe Eee. Tiada maklumat tentang pegawai ketiga tetapi Rahmah Bujang menjadi pegawai keempat²¹ dan kemudian diikuti oleh Otman Yatim.²² Pengarah hari ini ialah En Aziz.

¹⁹ Hashim Yaacob, *Royal Professor Ungku A. Aziz The Renaissance Man*, hlm. 11; *Seni Tekstil, Tradisi Melayu*, Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm 1; Khat thuluth merupakan khat yang sangat indah. Ketika menulis, kebiasaannya susunan dilakukan dengan melakar huruf dari atas ke bawah atau boleh juga dari bawah ke atas, dimana ahli-ahli khat meletakkan huruf itu seolah-olah sedang menyusun batu-batu binaan. Biasanya struktur thuluth dilakukan dalam bentuk lurus, empat segi, bulat, bujur telur dan bentuk-bentuk lain berdasarkan citarasa dan keperluan khusus seseorang jurukhat seperti bentuk bunga, daun, keris dan sebagainya ([http:// diwanikraf.com](http://diwanikraf.com) 4/3/2014 10.05 a.m.).

²⁰ Khoo Joo Ee, *Kendi Pouring Vessels in the University of Malaya Collection*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. vii.

²¹ Rahmah Bujang telah dilahirkan pada 18 Mac 1947 di Johor Bahru. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera pada 1969. Beliau kemudiannya mendapat Ijazah Sarjana Sastera pada 1973. Pada tahun 1977,

Pengarah yang memimpin muzium rata- rata terdiri daripada budayawan. Willett dan Khoo Joo Ee adalah individu yang berkecimpung dalam bidang kesenian, sementara Ramah Bujang dan Othman Yatim berkecimpung dalam budaya Melayu dan telah berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu sebelum dilantik sebagai pengarah Muzium Seni Asia.

Stuktur Bangunan Muzium Seni Asia

Muzium Seni Asia mempunyai 3 tingkat dan setiap tingkat menempatkan koleksi tersendiri. Tingkat bawah Muzium Seni Asia ialah ruang Malaysiana yang merupakan bahagian pameran yang berubah- ubah.²³ Tingkat pertama merupakan bahagian pameran tetap yang mengandungi lebih daripada 2,000 barang seramik dari Malaysia, Thai Khmer, Vietnam, China, Jepun, India dan Iran. Koleksi barang- barang dari Thai dan Vietnam yang ditempatkan di tingkat ini sangat unik dan berharga. Selain daripada koleksi barang- barang seramik, Muzium Seni Asia juga terkenal dengan himpunan kendi. Di tingkat ini juga terdapat ukiran batu dari India. Manakala tingkat atas pula dirancang untuk himpunan dua dimensi, iaitu pameran seni tradisi dan pameran seni kontemporari, dengan memberi tumpuan kepada unsur – unsur Islam.²⁴

Visi Muzium Seni Asia

Sebagai sebuah organisasi, Muzium Seni Asia juga mempunyai visi. Visi Muzium Seni Asia adalah untuk menjadi muzium yang dapat memelihara dan menyebarkan ilmu

beliau telah mendapat Ijazah Doktor Falsafah di University Hull, England. Beliau menjadi Ketua Muzium Seni Asia pada tahun 1996. (*Budiman*, Mei/Jun, 1997, hlm. 10.)

²²Othman Yatim telah dilahirkan di Perak. Beliau telah mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera di Universiti Malaya. Pada thun 1978, beliau telah mendapat Ijazah Sarjana Sastera dalam bidang *Oriental Art*. Pada 1985, Beliau telah memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang *Anthropology and Islamic Art*. (*Budiman*, Mei/ Jun 1997, hlm. 17.)

²³Projek naik taraf tingkat bawah yang dinamakan Galeri Malaysiana dimulakan pada 8 Disember 2006 dan ini dibiayai oleh Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian, Warisan, Malaysia.

²⁴“Muzium Seni Asia,” *Budiman*, Mei/Jun, 1997, hlm. 17.

melalui pendidikan dan penyediaan perkhidmatan permuziuman yang setaraf dengan muzium dunia selaras dengan aspirasi perdana Universiti Malaya.²⁵

Gambar 1.2: Foyer Muzium Seni Asia



Sumber: <https://ms-my.facebook.com/Muzium.Seni.Asia.Galeri.Seni.UM> (tarikh diakses 6/5 / 2014, 1.44 P.M.)

Gambar 1.3: Pintu masuk Muzium Seni Asia



Sumber: <https://ms-my.facebook.com/Muzium.Seni.Asia.Galeri.Seni.UM> (tarikh diakses 6/5/2014,1.45 P.M.)

²⁵ Wawancara dengan, En. Abdul Aziz, Ketua Muzium Seni Asia, Kuala Lumpur, pada 21 Februari 2014.

Gambar 1.4: Gambar ini menunjukkan mantan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia sedang menandatangani buku pelawat sempena perasmian upacara menaiktaraf tingkat Malaysiana Muzium Seni Asia pada 2006.



Sumber: <https://ms-my.facebook.com/Muzium.Seni.Asia.Galeri.Seni.UM>(tarikh diakses 6/5/2014, 1.45 P.M.)

Misi Muzium Seni Asia

Muzium Seni Asia juga mempunyai misi. Misi Muzium Seni Asia adalah untuk menjadi muzium pendidikan terulung di rantau ini dalam memelihara dan menyebarkan ilmu pengetahuan berkaitan warisan seni negara-negara Asia.²⁶

Operasi Muzium Seni Asia

Waktu operasi Muzium Seni Asia ialah dari hari Isnin hingga Jumaat antara 9.00 pagi hingga 5.00 petang (kecuali semasa waktu makan tengahari) dan ditutup pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am. Masuk adalah percuma. Pelawat yang datang ke Muzium Seni Asia terdiri daripada pelawat tempatan dan pelawat antarabangsa. Jumlah pelawat yang melawat muzium dari tahun 1980 hingga 2011 dapat diperhatikan dalam jadual berikut:

²⁶ Ibid.

Jadual 1.5: Pelawat Muzium Seni Asia ²⁷

Tahun	Pelawat Tempatan (orang)	Pelawat Antarabangsa (orang)
1980	6	40
1981	602	96
1982	280	111
1983	503	138
1984	90	497
1985	85	390
2003	467	16
2004	406	56
2005	363	39
2009	11035	198
2011	3142	1071

Sumber: Diubahsuai dari *Buku Pelawat Muzium Seni Asia*.

Jadual 1.1 menunjukkan bilangan pelawat tempatan dan pelawat antarabangsa yang melawat Muzium Seni Asia dari tahun 1980 sehingga tahun 2011. Bilangan pelawat tempatan dan antarabangsa yang melawat Muzium Seni Asia pada mulanya tidak ramai. Ini dapat diperhatikan antara tahun 1980-1985. Bilangan yang kurang pada waktu ini disebabkan muzium tidak banyak menganjurkan aktiviti seperti pameran dan *outreach* yang dapat menarik pelawat. Bilangan pelawat mula meningkat mulai 2003. Ini kerana, pihak muzium telah menganjurkan pelbagai jenis aktiviti yang berkaitan dengan seni. Maka jelaslah disini bahawa melalui pelbagai jenis aktiviti yang berkaitan dengan seni seperti

²⁷ *Buku Pelawat Muzium Seni Asia*.

Bengkel Kilauan Tekat Tradisi (2006), Pameran Tembikar Tradisi Malaysia (2008), Seminar Seni Bina dan seni Ukiran (2001) ia berjaya menarik lebih ramai pelawat tempatan dan pelawat antarabangsa.

Galeri Seni Universiti Malaya (UMAG)

Muzium Seni Asia telah mencapai kemajuan yang pesat pada tahun 2011. Pekara ini terbukti apabila sebuah Galeri Seni ditubuhkan di Universiti Malaya yang diletakkan dibawah pentadbiran Muzium Seni Asia. Idea untuk menubuhkan galeri seni ini datang daripada Naib Canselor, Tan Sri Datuk Dr. Ghauth Jasmon pada tahun 2011. Galeri Seni ini telah ditempatkan di tingkat 5, bangunan Chanseleri, Universiti Malaya. Waktu operasi Galeri ialah dari hari Isnin hingga Jumaat dan dari jam pukul 10 pagi hingga 4 petang . Galeri ditutup pada hari Sabtu dan Ahad.²⁸

Galeri Seni Universiti Malaya atau University of Malaya Art Gallery (UMAG) merupakan sebuah tempat untuk memelihara legasi budaya yang akan menjadi ikon Universiti Malaya melalui kajian, pemeliharaan, pemuliharaan, pameran, interpretasi dan pembangunan koleksi. Perkembangan Galeri Seni Universiti Malaya juga dapat dilihat melalui aktiviti pembelajaran secara kreatif dan melalui pameran hasil karya pelukis tempatan dan antarabangsa. Misi Galeri Seni Universiti Malaya adalah untuk menjadikan seni visual sebagai seni yang penting untuk diperluaskan kepada seluruh komuniti Universiti Malaya; memajukan pengetahuan mengenai seni dan budaya; menjadi destinasi kelas dunia bagi komuniti tempatan dan antarabangsa, dan bertindak sebagai pintu masuk bagi orang awam ke sumber intelektual universiti.²⁹

²⁸Risalah Galeri Seni Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan *Laporan Tahunan Universiti Malaya*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011. *Laporan Tahunan Universiti Malaya*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011.

²⁹ Ibid.

Galeri Seni Universiti Malaya mengumpulkan pelbagai hasil daripada beberapa pelukis tempatan dan antarabangsa. Antara pelukis- pelukis tersebut adalah Chen Wen Hsi,³⁰ Syed Ahmad Jamal,³¹ Abdul Latiff Mohidin,³² Ibrahim Hussein,³³ Chuah Thean Teng³⁴ dan M.F.Hussain.³⁵ Di samping itu, Program karyawan tamu juga telah dimulakan semula pada tahun 2010 untuk menarik dan menggalakkan pelukis dengan menonjolkan karya pelukis popular yang telah memberikan sumbangan kepada industri seni visual

³⁰ Chen Wen His dilahirkan pada tahun 1906, di Baigong Village, Guangdong, China. Beliau terkenal dengan penghasilan karya menggunakan dakwat Cina. Beliau telah menjadi pensyarah di South China College, Shantou, China dari tahun 1946-1947 dan kemudiaman menetap di Singapura pada tahun 1948. Beliau dan telah menjadi tenaga pengajar di Nanyang Academy Of Fine Arts dari tahun 1951- 1959 dan menjadi guru di Singapore Chinese High Scholl. Dari tahun 1923-1933, beliau telah mengadakan pameran secara solo sebanyak 38 kali di peringkat tempatan dan antarabangsa seperti di Kuala Lumpur, Hong Kong, Melbourne, London dan Beijing. Beliau meninggal dunia pada tahun 1992. (http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_772_2004-12-29.html 1/5/2014 11.34 a.m.)

³¹ Syed Ahmad Jamal dilahirkan pada 19 September 1929 di Bandar Maharani, Muar, Johor. Antara tahun 1951 hingga 1955, beliau melanjutkan pelajaran di Chelsea School of Art, London. Antara tahun 1963 hingga 1964 beliau mengikuti pengajian seni arca di School of Art Institute, Chicago, Illinois, Amerika Syarikat. Kemudiannya pada 1973, beliau telah melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Sejarah Seni di University of Hawaii, Honolulu. Pada 1974, beliau mengikuti pengajian Falsafah Seni Islam di University Harvard. Sekembalinya ke tanah air, beliau bertugas di Muzium Seni Asia, Universiti Malaya dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Pusat Kebudayaan, Univerisiti Malaya pada tahun 1979. Beliau dilantik sebagai Pengarah Balai Seni Visual Negara pda tahun 1983 hingga 1991. (<http://www.artgallery.gov.my/syed-ahmad-jamal> 1/5/2014 11.46 a.m.).

³² Abdul latiff Mohidin telah dilahirkan pada 20 Ogos 1938 di Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Pada 1960, beliau telah menyambung pelajaran di Academy of Fine Arts, Berlin, Jerman selama empat tahun. Pada tahun 1969, Latiff mendapat hadiah (*grant*) dari Kementerian Kebudayaan Perancis untuk mengikuti kursus seni goresan di Atelier La Courier, Paris dan kemudian ditawarkan biasiswa Rockefeller untuk meneruskan kursus yang sama di Pratt Graphic Centre, New York, Amerika Syarikat. Antara tahun 1962 dan 1983, beliau telah mengadakan pameran hasil karya seni lukisannya, di Bona, Berlin, Frankfurt, Hamburg, Bangkok, Singapura, New Delhi, New York, Sydney, Sao Paulo, Osaka, Montreal, Manila, Jakarta, Dublin, London dan Malaysia (<http://dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=articles&ArticleID=1176> 1/5/14 11.58 a.m.).

³³ Ibrahim Hussein merupakan seorang pelukis dari Malaysia yang terkenal. Beliau dilahirkan pada 13 Mac 1936 di Yan, Kedah Darul Aman. Medium utama beliau dikenali sebagai "*printage*" iaitu gabungan antara seni percetakan dan kolaj. Pada tahun 1959, beliau telah menyambung pelajaran di Byam Shaw School of Art dan Royal Academy Scholls. Setelah kembali ke Malaysia beliau telah menjadi menjadi artis residen di Universiti Malaya. Ibrahim Hussein meninggal dunia pada 19 Februari 2009. (<http://azizras.wordpress.com/2014/01/14/ibrahim-hussein/> 1/5/14 12.27pm.)

³⁴ Chuah Thean Teng dilahirkan di Fujian, China pada 1914. Beliau tidak dapat menamatkan pengajiannya di di Amoy Art Academy kerana sakit. Beliau merupakan seorang pelukis batik yang sangat terkenal. Beliau telah meninggal dunia pada 2008. (Shireen Nazri, *Convergence: Past, Reality& Future: Selected Artworks of Petronas Art Collection*, Galeri Petronas, 2013).

³⁵ M.F. Hussain atau Maqbool Fida Hussain. Dilahirkan pada 17 september 1915 di bandar Pandharpur Maharashtra. Beliau adalah salah seorang artis yang paling terkenal di India dan juga di peringkat antarabangsa. Pada tahun 1935 beliau telah menyambung pelajarannya di Sir J.J. Scholl of Art. Pada tahun 1947, beliau menyertai Kumpulan Artist Progresif, yang diasaskan oleh Francis Newton Souza. Pada 1952, beliau telah mengadakan pameran secara solo di Zurich, Switzerland. Kerajaan India juga telah memberi beberapa anugerah yang berprestij kepada beliau (<http://www.culturalindia.net/indian-art/painters/m-f-hussain.html> 1/5/14 1.12.pm.).

Malaysia. Karya pelukis yang telah ditonjolkan ialah karya Soh Boon Kiong, Yusof Gajah, Juhari Said dan Maamor Jantan.³⁶ Yusof Gajah adalah seorang pelukis aliran naïf yang terkenal di negara ini manakala Juhari Said pelukis prin dan Maamor Jantan seorang pelukis cat air.

Selain itu, Galeri ini juga sering menjalankan beberapa aktiviti seni seperti seminar, bengkel, apresiasi seni serta kelas seni visual yang melibatkan semua peringkat umur dari dalam dan luar negara. Melalui aktiviti seperti ini, Galeri Seni dapat berkongsi pelbagai maklumat di samping memperkenalkan hasil karya pelukis tempatan kepada masyarakat umum. Galeri Seni ini juga turut menyediakan pelbagai jenis kemudahan seperti bilik repositori, bilik audio visual, bilik penyelidikan, bilik rujukan, ruang pameran, studio dan pantri.³⁷

Kesimpulan

Muzium Seni Asia pada mulanya ditubuhkan di kampus Singapura dan kemudian telah berpindah ke kampus yang terletak di Kuala Lumpur. Sejak penubuhan hingga hari ini, Muzium Seni Asia telah memberi sumbangan yang berharga dalam mempamerkan khazanah seni Asia kepada masyarakat kampus dan orang ramai. Muzium Seni Asia telah berkembang maju kerana mendapat sokongan daripada orang ramai di Malaya dan Singapura dan juga melalui sokongan daripada beberapa pihak dari luar negara. Tanpa sokongan mereka Muzium Seni Asia sudah pasti tidak dapat dibangunkan. Melalui sumbangan dan sokongan kumpulan ini koleksi di Muzium Seni Asia telah bertambah. Satu lagi pencapaian yang boleh dibanggakan ialah penubuhan Galeri Seni Universiti Malaya atau University of Malaya Art Gallery (UMAG) pada 2011 yang telah menambahkan

³⁶ Risalah Galeri Seni Universiti Malaya, Kuala Lumpur; *Laporan Tahunan Universiti Malaya*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011.

³⁷ Ibid.

peranan Muzium Seni Asia. Semua ini membuktikan Muzium Seni Asia telah berusaha untuk memajukan seni tanah air dan seni Asia.

Universiti Malaya

BAB DUA

STRUKTUR PENTADBIRAN MUZIUM SENI ASIA

Pengenalan

Bab ini akan menghalkan pentadbiran Muzium Seni Asia yang meliputi stuktur organisasi, nama dan fungsi bahagian serta perubahan yang berlaku dalam struktur organisasi sejak penubuhan hingga hari ini. Tujuannya adalah untuk mengetahui bidang kuasa setiap bahagian pengurusan muzium yang memelihara dan mempromosikan bahan dan hasil karya seni tanah air dan seni Asia kepada masyarakat umum.

Pentadbiran Muzium Seni Asia

Muzium Seni Asia mempunyai satu struktur organisasi yang lengkap. Muzium Ini ditubuhkan pada tahun 1955 di Universiti Malaya Singapura. Profesor Sullivan merupakan kurator pertama muzium tersebut. Pentadbiran Muzium Seni Asia pada mulanya diletakkan di bawah Canseleri dan kemudian dibawah perpustakaan. Pentadbiran Muzium Seni Asia sekali lagi telah ditukar ke bahagian lain dan diletakkan dibawah Jabatan Pengajian Melayu dan akhirnya diletakkan di bawah pengawalan perpustakaan. Walaupun koleksi di muzium ini diperoleh daripada muzium Singapura tetapi usaha untuk memajukan seni telah dilakukan oleh Universiti Malaya yang terletak di Kuala Lumpur. Usaha untuk memajukan seni dan muzium telah dilakukan dengan sokongan daripada pentadbiran universiti dan orang ramai.

Stuktur pentadbiran Muzium Seni Asia boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian dan bahagian tersebut adalah seperti dalam jadual 2.1. Jawatan- jawatan yang wujud dalam stuktur pentadbiran ini mempunyai peranan yang khusus dalam memastikan

kejayaan Muzium Seni Asia. Perbincangan berikut akan menumpukan kepada peranan khusus kesemua jawatan dalam Muzium Seni Asia.

Stuktur Pentadbiran Muzium Seni Asia adalah seperti berikut:¹

Jadual 2.1. Stuktur Pentadbiran Muzium Seni Asia

Jawatan – Jawatan Yang Terdapat Dalam Stuktur Pentadbiran Muzium Seni Asia
Ketua Muzium Seni Asia (MSA)
Kurator
Pegawai Projek
Juruteknik
Pembantu Tadbir Kanan
Pembantu Am Pejabat
Pembantu Am Pejabat Kanan
Pekerja Rendah Awam
Tukang
Residen Artis

Ketua Muzium Seni Asia (MSA)

Tanggungjawab Ketua MSA adalah dalam bidang pengurusan pentadbiran dengan menjalinkan hubungan dengan pelbagai pihak luar seperti muzium, galeri, institusi penyelidikan seni dan warisan Asia. Beliau juga perlu mengadakan pameran antara institusi sebagai usaha untuk mempopularkan muzium di peringkat antarabangsa; merancang aktiviti

¹Fail Senarai Tugas Muzium Seni Asia, Universiti Malaya. Maklumat mengenai bab ini sangat terhad dan segala maklumat yang diperolehi adalah hasil temuramah dengan Ketua Muzium Seni Asia, En Abdul Aziz Bin Abdul Rashid. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda daripada Universitas Gadjah Mada, Indonesia dalam bidang Arkeologi. Kini beliau bertugas sebagai Kurator Muzium Seni Asia.

yang dapat melibatkan para sarjana, pelajar, dan orang awam supaya mereka dapat menghargai seni warisan negara dan Asia. Selain itu, beliau juga perlu menguruskan staf dan jabatan dengan cekap dan sistematik mengikut prosedur.

Selain itu, Ketua MSA perlu menguruskan pameran yang menyentuh tentang seni dan warisan budaya khazanah negara dan Asia dan melaksanakannya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Biasanya Ketua Muzium Seni Asia juga akan bertugas sebagai Kurator. Oleh itu, beliau juga perlu merancang dan melaksanakan tugas kuratorial iaitu pengumpulan artifak dan bahan kesenian, bahan kesenian kontemporari, menyediakan maklumat artifak, menyediakan kertas kerja atau laporan projek, program atau aktiviti muzium, mengendalikan mesyuarat, penulisan artifak dan kertas kerja berkaitan seni tradisi atau kontemporari.²

Kurator

Individu yang paling penting bagi MSA ialah Kurator. Kurator menjadi tulang belakang bagi seluruh pengurusan muzium. Seseorang kurator perlu membuat interpretasi mengenai kepentingan koleksi muzium dan perlu memastikan pengurusan muzium dan operasi muzium berjalan dengan lancar. Beliau juga bertindak sebagai fasilitator yang mengemukakan idea-idea bernas kearah kemajuan muzium serta berperanan sebagai pencetus ilham untuk membuat sebarang perubahan dalam sesuatu dasar muzium. Kurator menjadi faktor utama yang menentukan hala tuju muzium.³

Bidang tugas Kurator di Muzium Seni Asia boleh dibahagikan kepada dua. Bidang pertama ialah pengurusan MSA dan UMAG. Di bawah bidang ini kurator perlu memastikan pengurusan hal ehwal pejabat dan staf mengikut ketetapan pekeliling dan

² Fail Senarai Tugas Muzium: Seni Asia, Universiti Malaya.

³ Mad Redzuan Tumin, "Prinsip Asas Pengurusan Muzium", dalam, *Jaringan Muzium Asia Timur*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur*, hlm.142-143.

memenuhi kualiti ISO serta perlu memastikan pengurusan kewangan dan pentadbiran mengikut prosedur. Selain itu, kurator juga bertanggungjawab dalam proses pemuliharaan dan pemeliharaan muzium dengan menyediakan penulisan kapsyen artifak, kertas kerja, mengatur mesyuarat, menyediakan minit mesyuarat dan bertanggungjawab memberi penerangan dan maklumat mengenai koleksi muzium kepada para pelawat, serta menyelia dan memastikan staf menjalankan tugas mengikut arahan dan prosedur.

Bidang tugas yang kedua ialah pengurusan pameran dan aktiviti lain. Dibawah bidang ini kurator perlu membantu atau merancang aktiviti tahunan MSA dan UMAG sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Beliau juga perlu melaksanakan dan menguruskan aktiviti sepanjang tahun termasuk menguruskan jadual mesyuarat pameran serta melaksanakan arahan Ketua MSA.⁴

Pegawai Projek

Jawatan yang penting dalam Galeri Seni Universiti Malaya atau University of Malaya Art Gallery (UMAG) ialah Pegawai Projek. Jika di dalam muzium jawatan Kurator penting manakala jawatan yang penting dalam pentadbiran UMAG ialah Pegawai Projek. Tanggungjawab pegawai projek adalah untuk memastikan pengurusan hal ehwal pejabat dan staf mengikut ketetapan pekeliling dan memenuhi kualiti ISO. Selain memastikan pengurusan kewangan dan pentadbiran mengikut prosedur, pegawai projek juga bertanggungjawab dalam penyediaan prosedur pembelian koleksi lukisan mengikut prosedur, memastikan rekod inventori lukisan sentiasa dikemaskini dan memastikan keselamatan penyimpanan artifak di UMAG.

Beliau juga perlu menyediakan penulisan kapsyen artifak, kertas kerja, mengatur mesyuarat dan bertanggungjawab dalam memberi penerangan dan maklumat mengenai

⁴ Ibid.

koleksi muzium kepada para pelawat, menyelia dan memastikan staf menjalankan tugas mengikut arahan dan prosedur, membantu atau merancang aktiviti tahunan UMAG sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Beliau juga perlu mengatur dan menguruskan aktiviti sepanjang tahun termasuk menguruskan jadual mesyuarat pameran, memastikan UMAG sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur serta perlu melaksanakan arahan Ketua Muzium Seni Asia dan perlu melapor kepa Ketua MSA.⁵

Juruteknik

Juruteknik adalah individu yang berusaha untuk memelihara stuktur dan bangunan Muzium Seni Asia. Antara bidang tugas. Juruteknik adalah untuk menjalankan pemeriksaan rutin penyelenggaraan terhadap stuktur bangunan seperti membuat aduan sekiranya terdapat sebarang kerosakan pada stuktur bangunan Muzium Seni Asia dan Galeri Seni Universiti Malaya yang melibatkan bahagian sivil, elektrik, mekanikal, lanskap dan kerosakan pada peralatan mesin. Selain itu, juruteknik juga perlu memastikan keselamatan aset supaya kesemua aset berada dalam keadaan baik dan selamat. Juruteknik juga mesti memastikan kebersihan galeri Muzium Seni Asia dan Galeri Seni sentiasa bersih.

Juruteknik juga perlu melakukan kerja-kerja proses penyimpanan perolehan; mengemaskini rekod inventori; mengambil foto artifak, membuat pengukuran, mengemaskini rekod pengeluaran dan kemasukan harta benda muzium sama ada melalui pembelian dan pinjaman. Selain itu, Juruteknik juga perlu melakukan pelupusan harta benda dengan kaedah yang betul, membantu dalam perlaksanaan pameran dari aspek transformasi, keselamatan dan keperluan pameran dari segi harta benda, menyelaras dalam penyediaan setiap aktiviti pameran yang dianjurkan dari segi keperluan pencahayaan ruang

⁵ Ibid.

pameran yang mencukupi, sistem elektrik, keselamatan untuk pelawat dan penyediaan sistem audio visual. Juruteknik juga perlu melaksanakan arahan daripada Ketua dan Kurator Muzium. Setiap tugas yang dilaksanakan oleh Juruteknik perlu dilaporkan kepada kurator.⁶

Pembantu Tadbir Kanan

Pembantu Tadbir Kanan adalah jawatan yang sangat penting dalam pengurusan dan pentadbiran muzium. Antara bidang tugas pembantu tadbir kanan adalah menguruskan kewangan pejabat secara sepenuh masa seperti urusan pembelian dan pembayaran secara *E-procurement* dan SAGA. Selain itu, pembantu tadbir kanan juga bertanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan urusan yang berkaitan dengan pejabat seperti urusan dokumentari, kelengkapan pejabat, pengurusan fail-fail pejabat dengan teratur, penyediaan surat dan rekod surat-surat rasmi pejabat, mencatat, mendraf dan menyediakan minit-minit mesyuarat berkaitan pengurusan MSA dan UMAG.

Di samping itu, Pembantu tadbir kanan juga perlu membantu dalam pelaksanaan pameran yang dilaksanakan oleh MSA dan UMAG, bertanggungjawab membuka dan mengemaskini sistem fail MSA, membantu menaip dan menyediakan artikel atau kapsyen mudah sama ada untuk pameran mahupun untuk keperluan pejabat.

Beliau juga perlu memastikan kebersihan pejabat MSA berada pada tahap yang baik, mengurangkan aduan ketidakcekapan pelaksanaan pentadbiran muzium, membantu menguruskan aktiviti lawatan dan memberikan penerangan koleksi apabila perlu. Pentadbir Tadbir Kanan perlu melapor tugas-tugasnya kepada Kurator.⁷

⁶ Ibid.

⁷ Ibid.

Pembantu Am Pejabat

Pembantu Am Pejabat merupakan satu lagi jawatan yang penting dalam pentadbiran Muzium Seni Asia. Pembantu Am Pejabat bertanggungjawab dalam memastikan kebersihan galeri muzium berada pada tahap yang terbaik, memastikan ruang galeri berada dalam keadaan yang selamat, tersusun dan bertanggungjawab terhadap keselamatan dan penyimpanan artifak di Stor Tekstil. Selain itu, Pembantu Am Pejabat juga perlu bertugas sebagai '*security sweeping*⁸', membantu menyalurkan peralatan pejabat, merekod, menghantar dan menerima surat-surat dengan sistematik dan teratur, membantu menyelaras dan menyediakan setiap aktiviti pameran yang dianjurkan termasuk penampalan poster, memasang banner, pengedaran risalah, dan membantu dalam proses penyimpanan, inventori dan pemeliharaan artifak sepanjang tahun. Pembantu Am Pejabat juga harus melapor semua tugasannya kepada Kurator.⁹

Pembantu Am Pejabat Kanan

Pembantu Am Pejabat Kanan bertanggungjawab dalam memastikan kebersihan galeri berada di tahap yang terbaik; memastikan ruang galeri selamat dan teratur; bertanggungjawab terhadap keselamatan dan penyimpanan artifak lukisan; bertugas sebagai '*security sweeping*', membantu dalam pelaksanaan pameran yang telah dilaksanakan di muzium dan UMAG dan termasuk penyediaan kapsyen ringkas pameran dan sistem audio visual apabila diperlukan.

Beliau juga perlu membantu menyelaras penyediaan aktiviti pameran yang dianjurkan dari segi penyelenggaraan ruang pameran, keselamatan dan susun atur atau artifak. Pembantu Am Pejabat juga perlu menyediakan ruang pameran, menampal poster,

⁸Bidang tugas '*security sweeping*' perlu memastikan lampu dan penghawa dingin dibuka apabila perlu, memastikan ketiadaan pelawat sebelum pintu muzium ditutup, membantu dalam pelaksanaan pameran yang dilaksanakan di muzium dan UMAG.

⁹ Fail Senarai Tugas Muzium Seni Asia.

memasang banner dan mengedarkan risalah serta membantu untuk menyelenggara peralatan pejabat, merekod dan menghantar serta menerima surat-surat dengan teratur dan sistematik.

Beliau juga perlu membantu dalam proses penyimpanan dan membantu juruteknik untuk mengemaskini inventori dan memelihara artifak lukisan sepanjang tahun serta perlu melaksanakan arahan dari semasa ke semasa oleh ketua dan kurator. Pembantu Am Pejabat juga perlu melapor kepada kurator.¹⁰

Pekerja Rendah Awam

Pekerja Rendah Awam mempunyai tanggungjawab untuk memastikan kebersihan MSA dan UMAG berada pada tahap yang terbaik. Beliau juga bertanggungjawab terhadap keselamatan artifak di dalam Stor Topeng, menyelia setiap kemasukan dan pengeluaran artifak dari stor penyimpanan dan perlu memastikan rak-rak pameran sentiasa bersih dan teratur.

Beliau juga bertugas sebagai '*security sweeping*', membantu dalam pelaksanaan pameran, membantu menyelaras dalam penyediaan setiap aktiviti pameran yang dianjurkan termasuk penampalan poster, memasang banner, mengedarkan risalah, membantu dalam proses penyimpanan inventori dan pemeliharaan artifak, melaksanakan arahan dari semasa ke semasa oleh Kurator. Pekerja Rendah Awam juga harus melapor tugas-tugasnya kepada Kurator.¹¹

Tukang

Tukang merupakan sebuah lagi bahagian yang penting dalam pentadbiran Muzium Seni Asia. Seorang tukang perlu menjalankan pemeriksaan rutin terhadap struktur bahan pameran seperti kotak pameran, membaiki artifak pada tahap kuratif dan sedia untuk

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid.

digunakan, memastikan kebersihan galeri Muzium dan bengkel pertukangan berada dalam keadaan yang sangat baik. Selain itu, Tukang juga bertanggungjawab dalam memastikan ruang galeri berada dalam keadaan yang teratur dan selamat, membantu dalam pelaksanaan pameran yang dilaksanakan di muzium dan Galeri Seni Universiti Malaya. Ia meliputi kerja membantu menyelaras dalam menyediakan setiap aktiviti pameran yang dianjurkan dari segi kestabilan, keselamatan dan susun atur artifak; menyediakan ruang untuk pameran, membuat kerja seperti menampal poster, memasang banner, mengedar risalah dan membantu dalam urusan penyelenggaraan ruang pameran sama ada di dalam atau diluar premis muzium.

Di samping itu, Tukang juga bertanggungjawab terhadap keselamatan artifak di dalam Stor Topeng. Beliau perlu menyelia setiap kemasukan dan pengeluaran artifak dari stor penyimpanan serta melaksanakan arahan dari semasa ke semasa oleh Ketua dan Kurator Muzium Seni Asia. Tukang perlu melapor kesemua tugasnya kepada Kurator.¹²

Residen Artis¹³

Sebuah lagi bahagian istimewa yang terdapat di Muzium Seni Asia ialah Residen Artis. Maamor Jantan, Yusof Gajah, dan Juhairi Said adalah antara residen artis Muzium Seni Asia. Setiap residen artis ini mempunyai kelebihan dan kepakaran yang tersendiri. Maamor Jantan merupakan artis cat air. Dari segi sejarah seni lukisan cat air di Eropah dihasilkan pada ukuran standard 53cm x 35 cm dan ukuran ini dianggap standard sehingga pertengahan abad ke-20. Selepas itu keadaan mula berubah apabila kertas lukisan dengan ukuran yang lebih besar dihasilkan.

Lukisan Maamor Jantan adalah teliti dan mengikut genre realism iaitu satu aliran lukisan yang melukis secara cermat dan terperinci. Selain itu, Yusof Gajah merupakan

¹² Ibid.

¹³ Fail Am Artis Residen Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.

seorang pelukis beraliran naïf (*naïf artist*) yang terkenal di negara ini. Naif bermaksud pelukis tidak mengikut peraturan lukisan konvensional seperti perlu mempunyai prespektif, tona warna yang menunjukkan kedudukan sesuatu objek dalam lukisan sebaliknya lukisan naïf akan melakar bentuk objek dalam satu ratio yang sama saiz. Contohnya seperti saiz pokok dihadapan lukisan dengan saiz pokok di bahagian belakang lukisan akan sama. Justeru itu, lukisan tersebut akan menggunakan teknik melukis secara teliti dan halus.

Seorang lagi residen artis ialah Juhairi Said. Juhairi merupakan seorang pelukis prin, iaitu satu aliran dalam lukisan yang akan menggunakan media seperti kayu, batu, plaster O paris, dan sebagainya. Idea awal akan dilakar dan diukirkan pada media asal setelah siap permukaan media asal akan diwarnakan dan ditekapkan (*print*) di atas permukaan kertas. Semua ini membuktikan bahawa Muzium Seni Asia telah memiliki artis yang berbakat dan terkenal dalam bidang seni. Usaha ini secara langsung membantu pihak muzium untuk memelihara dan memperkembangkan seni tanah air dan seni Asia.

Kesimpulan

Dapatlah disimpulkan Muzium Seni Asia mempunyai stuktur pentadbiran yang tersendiri dan setiap bahagian dalam stuktur pentadbiran tersebut mempunyai tanggungjawab yang tersendiri. Pengurusan Muzium Seni Asia juga bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh Kurator serta kakitangan sokongan dari golongan profesional dan bukan profesional. Mereka telah berusaha untuk menjalinkan hubungan antara muzium dan masyarakat dengan cara memelihara koleksi artifak.

Selain itu, mereka juga turut terlibat dalam proses membuat sesuatu keputusan berkenaan muzium dan galeri seni. Setiap bahagian pengurusan termasuk residen artis muzium bertanggungjawab untuk memelihara dan mempromosikan bahan dan hasil karya seni tanah air dan seni Asia. Sehingga hari ini seni tanah air dan seni Asia terus kekal dan

dapat dipelihara dengan baik kerana komitmen dan usaha yang dijalankan oleh pegawai-pegawai muzium. Maka jelaslah di sini bahawa pengurusan dan pentadbiran Muzium Seni Asia telah bertanggungjawab untuk memelihara dan mempromosikan bahan dan hasil karya seni tanah air dan seni Asia kepada masyarakat umum serta berusaha untuk menjaga imej dan reputasi muzium di mata orang ramai.

Universiti Malaya

BAB TIGA

KOLEKSI MUZIUM SENI ASIA UNIVERSITI MALAYA

Pengenalan

Di dunia ini terdapat lebih daripada 30 ribu muzium dan sebanyak 13,500 muzium terdapat di Eropah. Di Britain sahaja terdapat lebih kurang 5000 muzium. Jumlah koleksi dan artifak yang terdapat di seluruh dunia melebihi 100 juta dan muzium yang mempunyai koleksi yang terbesar di dunia ialah Natural History Museum di London. Muzium ini mempunyai 67 juta specimen.¹

Setiap muzium di dunia ini perlu menyimpan dan memelihara artifak yang dihasilkan kerana setiap koleksi artifak ini mempunyai keunikannya yang tersendiri dari segi bentuk, saiz, warna, corak, fungsi, dan nilai. Hal ini jelas menunjukkan bahawa muzium merupakan pusat sumber atau gedung ilmu untuk mempelajari aspek-aspek warisan budaya yang sangat berharga dan perlu dijaga dengan baik supaya koleksi-koleksi artifak yang berharga di dunia dapat dijaga dengan baik.²

Menurut Susan M. Pearce dalam bukunya "*Museums Objects and Collections – A Cultural Study*", terdapat tiga perkara penting apabila dikaitkan dengan koleksi iaitu pemahaman terhadap koleksi, pemulihan koleksi dan pengukuhan terhadap koleksi. Biasanya setiap koleksi yang dimiliki oleh pihak muzium sangat berharga dan sukar diperolehi dengan mudah. Hal ini menunjukkan bahawa pihak muzium mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menjaga kesemua koleksi yang terdapat di muzium tersebut.³ Pihak muzium juga boleh memperolehi koleksi barangan melalui beberapa cara

¹Kamarul Baharin Abu Kassim "Penekanan Dan Disiplin koleksi Muzium" dalam *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, hlm. 206.

² Ibid., hlm. 207.

³ Ibid., hlm. 207.

antaranya melalui pembelian, pinjaman, hadiah atau derma, penyelidikan dan aktiviti carigali.⁴

Bab ini secara khusus akan memperinci koleksi Muzium Seni Asia sejak penubuhan sehingga 2011. Tumpuan akan diberikan kepada cara bahan- bahan tersebut diperoleh, jenis koleksi dan pemeliharaan.

Koleksi Muzium Seni Asia

Universiti Malaya merupakan satu-satunya universiti di negara ini yang mempunyai sebuah muzium dengan koleksi artifak yang mewakili tiga tamadun utama dunia- Melayu / Islam, Cina dan India untuk dipamerkan. Muzium ini juga merupakan muzium pertama yang telah ditubuhkan di dalam universiti negara ini. Muzium Seni Asia juga bertindak sebagai pusat yang menyediakan perkhidmatan di mana artifak yang berkaitan dengan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan boleh diakses, bukan sahaja oleh pelajar dan kakitangan tetapi juga oleh orang ramai.

Muzium Seni Asia juga berperanan untuk memelihara koleksi yang berharga. Keunikan Muzium Seni Asia ini juga dapat dilihat pada koleksi artifaknya. Muzium ini memainkan peranan yang penting dalam mengumpul dan memelihara koleksi artifak tanah air dan Asia untuk dipamerkan kepada generasi muda supaya mereka dapat mengetahui keagungan seni ini.

Muzium Seni Asia ini dinaungi dan diuruskan oleh Perlembagaan Universiti Malaya (PUM) dan prosedur yang digariskan oleh Sistem Penjaminan Kualiti Universiti Malaya (SPK UM). Urusan yang berkaitan dengan koleksi artifak Muzium Seni Asia ini dilakukan

⁴ Ibid., hlm. 209.

berdasarkan arahan kerja yang berkaitan dengan perolehan, pameran, penyelenggaraan, pinjaman dan pemuliharaan sepertimana yang dinyatakan dalam sistem tersebut.⁵

Muzium Seni Asia mempunyai artifak seperti tembikar yang diperolehi daripada tapak arkeologi, seni tekstil, seni arca batu, kraf kontemporari, seni ukiran kayu dan sebagainya. Berdasarkan inventori tahun 2006, jumlah koleksi artifak yang terdapat di Muzium Seni Asia ialah 6000. Sejumlah 1594 merupakan koleksi pecahan tembikar yang diperolehi daripada pelbagai tapak arkeologi di negara ini. Sejumlah 1320 artifak pula merupakan artifak tembikar yang masih lengkap dalam pelbagai jenis.⁶

Selain itu, muzium ini juga mempunyai beberapa artifak yang ditiru semula, seperti tiga unit megalitik dan sebuah nisan yang dikenali sebagai Nisan Ahmad Majanu dari Pangkalan Kempas, Negeri Sembilan. Selain itu, terdapat juga salinan batu bersurat dari Siam. Salinan batu bersurat ini mengisahkan tentang permulaan dan jasa seorang raja kerana usahanya merekrut askar Siam di negara tersebut.⁷

Kategori Koleksi Muzium Seni Asia

Berdasarkan inventori koleksi Muzium Seni Asia, simpanannya dapat dibahagikan kepada beberapa kategori, pertama artifak kegunaan harian yang dicipta semata-mata sebagai keperluan asas seperti pinggan mangkuk, acuan kuih dan peralatan dapur. Kedua, artifak kegunaan atau keperluan harian yang bernilai seni seperti kain songket benang emas, seni ukiran rumah dan seni hiasan pada pinggan mangkuk. Ketiga, artifak yang dikaitkan dengan nilai budaya setempat atau sekumpulan suku kaum, seperti topeng suku kaum Mah

⁵Hasuria Che Omar, Noriah Mohamed, Radiah Yusoff, *Bahasa Verbal dan Bukan Verbal II: Linguistik Sastera dan Peradaban, Jilid 2*: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2009, hlm. 194.

⁶ Ibid.

⁷ Ibid.

Meri dari pulau Carey, Kuala Langat, dan keempat artifak yang berkaitan dengan nilai keagamaan, seperti arca dewa (Hindu Buddha), batu nisan (Islam), Khat dan kitab suci.⁸

Koleksi di Muzium Seni Asia boleh dibahagikan kepada tiga pekara yang utama iaitu pertama tinggalan artifak bernilai seni; kedua koleksi dari negara - negara Asia; Timur Tengah, Asia Tenggara hingga China dan ketiga koleksi artifak etnografi masyarakat Malaysia. Koleksi artifak Muzium Seni Asia secara amnya boleh dibahagikan kepada beberapa kategori antaranya ialah koleksi seramik dan tembikar, koleksi tekstil, koleksi barang perhiasan dan istiadat, koleksi anyaman dan kelarai dan koleksi ukiran kayu, koleksi topeng muka, koleksi arca dan ukiran batu, koleksi matawang dan koleksi lukisan yang merupakan antara koleksi artifak yang bernilai seni dari negara-negara Asia.⁹

Koleksi Seramik dan Tembikar

Koleksi seramik yang terdapat di Muzium Seni Asia berasal dari beberapa buah negara Asia Tenggara terutamanya dari negara China, Jepun dan India. Koleksi seramik yang berasal dari negara China mewakili zaman dinasti Han, Sung dan Ming. Kesemua koleksi tembikar ini juga mempunyai corak dan warna yang berlainan seperti kraak, *Blue and White*, seramik Islam China dan motif- motif seramik Jepun. Koleksi seramik ini juga dapat dilihat dalam pelbagai bentuk yang unik seperti piring, mangkuk sup, pasu, tempayan dan lain- lain lagi.¹⁰

Dari segi bentuk pula, kendi (seramik dan tembikar) merupakan salah satu koleksi terbesar Muzium Seni Asia. Keunikan koleksi ini dapat dilihat pada struktur dan bentuknya yang berbeza yang terdiri dari dua pembukaan. Kendi air juga berfungsi sebagai tempat untuk

⁸ Ibid.

⁹ Abdul Aziz Abdul Rashid, "Koleksi Muzium Seni Asia", dalam *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, hlm.185-187.

¹⁰ Ibid., hlm. 186; <http://www.museum.um.edu.my/> (tarikh diakses 20 April 2014).

menyimpan air dan sebagai bekas air yang tidak mempunyai pemegang. Walaupun kendi jenis ini dihasilkan terutamanya di China tetapi ia digunakan secara meluas di Asia Tenggara.¹¹

Tembikar- tembikar koleksi Muzium Seni Asia adalah tembikar yang diperolehi daripada aktiviti koleksi dan ekskavasi. Tembikar neolitik dari China, Ban- Chiang, Thailand dan tembikar – tembikar hasil tempatan seperti labu, terenang, buyung dan tembikar putih dari dasar laut Tioman merupakan tembikar- tembikar awal yang masih dalam keadaan lengkap dan masih terdapat di Muzium Seni Asia.¹²

Gambar 3.1 A : Koleksi Tembikar dan Seramik Yang terdapat Di Muzium Seni Asia



Sumber: Risalah Muzium Seni Asia, Universiti Malaya

¹¹ Khoo Joo Ee, *Kendi Pouring Vessels in the University of Malaya Collection*, hlm. v.

¹² Abdul Aziz Abdul Rashid, "Koleksi Muzium Seni Asia", dalam *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, hlm.185-187; Risalah Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur; <http://www.museum.um.edu.my/> (tarikh diakses 20 April 2014).

Gambar 3.1 B: Koleksi Tembikar dan Seramik Yang terdapat Di Muzium Seni Asia



Sumber: Risalah Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.

Koleksi Kendi Air

Muzium Seni Asia juga mempunyai satu lagi koleksi yang berharga iaitu koleksi kendi Air. Di Asia kendi dikenali dengan pelbagai nama misalnya di kawasan seperti Toba, Sumatra, Indonesia ia dikenali sebagai *Kandi*, sementara di kawasan Kerala, India Selatan ia dikenali sebagai *Kindi*. Di Aceh, Sumatra, Indonesia ia dikenali sebagai *kondi*. Dalam bahasa Melayu ia dikenali sebagai *kendi* dan perkataan ini telah diambil daripada perkataan Sanskrit iaitu '*kundi*'.¹³

Kendi merupakan sebuah bekas yang sangat berguna dan unik di sekitar kawasan Asia Tenggara. Keunikan alat ini dapat dilihat pada rupa bentuknya. Kendi mempunyai dua bukaan iaitu mulut dan muncung kendi yang tidak mempunyai pemegang, berleher panjang dan leher tersebut merupakan ganti bagi tempat pemegang.

Kendi air memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian masyarakat di Asia Tenggara dan menggambarkan kebudayaan masyarakat dan sebagai barangan yang berguna bagi kegunaan seharian mereka. Antara fungsi kendi ialah untuk menyimpan air,

¹³ Khoo Joo Ee, *Kendi Pouring Vessels in the University of Malaya Collection*, hlm. 4.

dan untuk basuh tangan. Air yang disimpan dalam kendi dikatakan sentiasa lebih sejuk dan segar apabila diminum.¹⁴

Koleksi Kendi air di Muzium Seni Asia merupakan koleksi kendi air yang terbesar di dunia. Kesemua koleksi kendi air di muzium ini berusia lebih daripada 1000 tahun dan berasal dari beberapa buah negara di Asia. Koleksi Kendi Air ini juga mempunyai corak yang berbeza dan bahan serta teknik yang digunakan untuk membentuk kendi juga berlainan.

Pengumpulan koleksi kendi di muzium ini telah dimulakan sejak awal lagi. Pada tahun 1978, Universiti Malaya telah mendapat geran untuk membeli koleksi seramik bagi muzium Seni Asia. Banyak pihak telah memberi bantuan untuk membeli koleksi tersebut dan kendi juga telah menjadi sebahagian daripada koleksi tersebut dan kebanyakan kendi yang telah diperolehi berasal dari Indonesia. Semenjak itu, pihak universiti dan muzium telah berusaha untuk meningkatkan bilangan koleksi kendi dan ada diantara koleksi kendi tersebut yang diperolehi melalui pendermaan.¹⁵ Kebanyakan koleksi kendi yang terdapat di Muzium Seni Asia merupakan kendi yang diperbuat daripada porcelain dan berasal dari Indonesia, China, Jepun, Vietnam dan Thailand.

¹⁴ Budiman, Ogos/ September, 1998, hlm. 13.

¹⁵ Khoo Joo Ee, *Kendi Pouring Vessels in the University of Malaya Collection*, hlm. v.

Gambar 3. 2: Kendi



Sumber: Micheal Sullivan, *University of Malaya Art Museum=Muzium Kesenian Universiti Malaya*, Singapore, University of Malaya, 1959, hlm. 40.

Koleksi Tempayan

Sebuah lagi koleksi Muzium Seni Asia yang berharga dalam kategori tembikar ialah koleksi tempayan. Tempayan ini berasal dari Sabah dan Sarawak.¹⁶ Muzium Seni Asia mempunyai 10 buah tempayan. Corak tempayan-tempayan tersebut menerima pengaruh dari China dan ini dapat diperhatikan pada corak naga dan awan.

Selain itu, terdapat beberapa jenis tempayan lain di muzium ini yang berwarna coklat gelap yang mempunyai corak naga pada permukaannya; bersaiz sederhana dan mempunyai penutup. Selain corak naga terdapat juga corak yang lain seperti corak kepala dan tangan manusia serta corak kepala singa dan naga. Ketinggian tempayan jenis ini biasanya antara 0.4m- 1.5m tinggi.

¹⁶ Budiman, Januari/ Februari, hlm. 21-22.

Gambar 3.3: Tempayan



Sumber: <http://www.museum.um.edu.my/> (5/5/2013, 4.01 P.M.)

Satu lagi jenis tempayan yang terdapat dalam muzium ini ialah tempayan yang berwarna biru atau hijau. Tempayan jenis ini biasanya lebih tinggi dan bersaiz lebih kecil daripada tempayan yang berwarna coklat gelap. Tempayan berwarna biru dan hijau ini dihasilkan oleh Imigran China yang tinggal di Singkawang sebuah daerah di Kalimantan.¹⁷

Koleksi Barang Perhiasan dan Istiadat

Koleksi barang perhiasan dan istiadat yang terdapat di Muzium Seni Asia merupakan alat- alat perhiasan seperti tepak sirih, keris, caping, dan lain- lain alat perak yang unik dan jarang ditemui pada masa sekarang. Muzium ini telah mengambil inisiatif untuk memelihara koleksi barangan ini supaya generasi muda dapat melihat dan menghayati kesenian yang terdapat pada barangan tradisonal seperti ini.

¹⁷ <http://www.museum.um.edu.my/> (tarikh diakses 20 April 2014).

Tepak Sirih

Tepak Sirih merupakan salah satu koleksi barang perhiasan dan istiadat yang terdapat di Muzium Seni Asia. Alat ini merupakan satu seni kraf Melayu yang digunakan sebagai alat utama dalam menyambut tetamu. Tepak Sirih ini biasanya diperbuat daripada logam tembaga, perak dan kayu serta direka dengan pelbagai corak asas binatang. Negeri Terengganu merupakan negeri yang terkenal dengan pembuatan peralatan tepak sirih.

Selain itu, terdapat juga tepak sirih yang diperbuat daripada emas tetapi tepak sirih ini jarang ditemui. Maklumat mengenai tepak sirih emas ini hanya dapat diketahui daripada beberapa catatan Inggeris seperti Henry Ling Roth yang menyebut Sultan Perak pernah menghadihkan tepak sirih emas kepada Prince and Princess of Wales pada tahun 1901.¹⁸

Gambar 3.4: Tepak Sirih



Sumber: Risalah Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.

Pada zaman dahulu tepak sirih selalunya digunakan dalam urusan rasmi raja dan pembesar. Dalam Hikayat Melayu juga ada disebutkan bahawa semasa upacara menghadap sesuatu rombongan dan upacara penganugerahan, tepak sirih dan sepersalinan pakaian pasti mendahului barangan yang lain. Rupa tepak sirih ini juga kecil serta mudah dibawa ke mana sahaja. Kebiasaannya peralatan ini akan digunakan untuk menyimpan daun sirih, kapur, dan pinang dalam upacara perkahwinan. Misalnya Di Perak, tepak sirih kayu yang

¹⁸ *Budiman*, Januari/ Februari, 2000, hlm .16.

dihiaskan dengan kain satin yang mempunyai sulaman emas akan dibawa bersama bagi majlis perkahwinan.¹⁹

Caping

Caping merupakan sejenis perlatan yang diperbuat daripada logam dan digunakan oleh gadis muda untuk tujuan perhiasan. Caping biasanya berbentuk jantung atau bujur seperti bentuk daun sirih dan berukuran di antara 6.0 cm x 7.8 cm sehingga 8.0 cm x 9.0 cm. Mata kail atau cincin yang melekat pada bahagian atas biasanya lebih luas dan diikat di pinggang.

Jumlah koleksi caping yang terdapat di Muzium Seni Asia adalah sebanyak 12 caping yang berasal dari pantai timur Semenanjung Malaysia. Hari ini, caping dilihat sebagai objek yang unik kerana saiz yang kecil dan mutu kerja hiasannya yang unik. Ada pecinta seni perak memilih untuk memakai caping sebagai loket dengan kalung mereka.²⁰

Gambar 3.5: Caping



Sumber: Risalah Muzium Seni Asia Universiti Malaya

¹⁹Hasuria Che Omar, Noriah Mohamed, Radiah Yusoff, *Bahasa Verbal dan Bukan Verbal II: Linguistik Sastera dan Peradaban, Jilid 2*, 2009, hlm .197.

²⁰<http://www.museum.um.edu.my/> (tarikh diakses 20 April 2014).

Keris

Keris merupakan senjata Melayu pendek yang unik. Muzium Seni Asia mempunyai 3 jenis mata keris yang utama iaitu keris berlok, sepukal dan picit. Perbezaan yang dapat dilihat pada ketiga- tiga jenis keris ini ialah semua jenis mata keris ini mempunyai arah yang tidak sejajar dengan arah hulunya, iaitu kira- kira 45 darjah pesongan. Hal ini kerana mata keris ini mengikut bentuk tangan yang agak membengkok. Jika mata keris lurus maka semasa perlawanan berlangsung hunusan mata tersebut tidak akan menepati mata sasaran. Keris juga merupakan senjata yang pendek dan perlawanannya adalah secara bersemuka. Oleh itu, mata keris dinamakan lurus dan bengkok.

Keris sepukal pula bersifat lurus kerana keris ini dinamakan juga keris kuasa. Hanya raja dan pembesar kanan sahaja yang layak untuk menggunakan keris jenis ini. Hal ini kerana hanya raja dan pembesar perlu mengambil keputusan yang tepat. Di samping itu, keris juga telah menjadi simbol kekuatan dan kemegahan bagi orang Melayu dan hal ini dapat dilihat dengan jelas apabila Tome Pires dalam *Suma Oriental* menyatakan bahawa setiap orang Melayu di Melaka berkeris. Raffles pula menyatakan bahawa orang Melayu tidur bersama kerisnya, bahkan jika tidak ada keris mereka akan menganggap diri mereka tidak lengkap berpakaian.²¹

²¹ Budiman, September/ Oktober, 2000, hlm. 20.

Gambar 3.6: Keris



Sumber: <http://www.museum.um.edu.my/>

Sebuah lagi jenis keris yang terdapat di Muzium Seni Asia ialah Keris Picit. Keris picit merupakan senjata yang paling awal dicipta dan telah ditemui di Vietnam seawal 2,000 tahun yang lalu dan keris jenis ini juga dapat dilihat dalam kisah Puteri Tatiban Jawa Timur iaitu sebuah cerita rakyat yang terkenal. Menurut Raffles, untuk menghasilkan keris picit seseorang pensilat atau pelajar Melayu yang mempelajari seni memepertahankan diri perlu melalui ujian kelayakan dan kekuatan rohani. Mereka akan diberikan sekeping besi yang rata dan mereka perlu memicit besi tersebut dengan hanya menggunakan jari untuk membuat keris tersebut (dengan itu tanda cap jari dapat dilihat pada beberapa senjata).

Tujuan Muzium Seni Asia menyimpan koleksi Keris Picit ini adalah untuk memberi gambaran mengenai kemahiran dan kebolehan orang Melayu di nusantara menghasilkan senjata dan juga berfungsi sebagai bahan tinggalan sejarah.²²

²²Hasuria Che Omar, Noriah Mohamed, Radiah Yusoff, *Bahasa Verbal dan Bukan Verbal II: Linguistik Sastera dan Peradaban, Jilid 2*, hlm. 202.

Koleksi Tekstil

Tekstil juga merupakan sebuah lagi koleksi yang terdapat di Muzium Seni Asia. Koleksi tekstil ini diperoleh daripada kepulauan Asia Tenggara dan India. Koleksi ini terdiri daripada tekstil busana yang telah dijadikan baju dan seluar serta tekstil yang berupa kain lepas, selendang, tengkolok, destar dan sebagainya.

Tekstil yang berada dalam koleksi Muzium Seni Asia terutamanya tekstil tradisi, ada yang telah berusia 200 tahun dan mempunyai corak yang asli dan sangat jarang ditemui sehingga kini termasuk songket,²³ cindai,²⁴ kain limar,²⁵ kain pelangi, kain karat empat dan kain- kain yang bertulis. Selain tekstil, Muzium Seni Asia juga mempunyai koleksi seni tekatan.

Kain Cindai

Kain Cindai merupakan sebuah tekstil yang sangat cantik dan indah. Tekstil jenis ini biasanya akan digunakan sebagai selendang dan diperbuat daripada sutera lembut yang berasal dari Gujerat, India. Cindai dibuat menggunakan teknik ikat ganda atau teknik dua simpul. Motif dan corak bagi tekstil ini dicipta menggunakan mesin tenun.

Kaedah ini digunakan untuk menghasilkan reka bentuk yang berbeza daripada motif batik. Koleksi cindai yang terdapat di Muzium Seni Asia dan muzium tempatan terdiri daripada selendang panjang yang sama seperti kain sari India. Ukurannya adalah

²³ Kain Songket merupakan kain tenunan Melayu. Asalnya dahulu kain ini ditenun dengan benang sutera dan benang emas untuk pakaian raja- raja Melayu. Orang kebanyakan dilarang memakainya. Kini ia boleh dipakai oleh segenap lapisan masyarakat.

²⁴ Kain Cindai juga dikenali sebagai patola dan dicorakkan dengan ikat ganda (*double ikat*). Kain ini digunakan oleh raja- raja dan pembesar Melayu. Kain ini berasal dari India.

²⁵ Kain Limar ditenun daripada benang sutera halus yang diikat dan dicelup dengan pelbagai warna untuk mendapatkan corak- corak yang halus dan indah. Ada dua jenis kain ikat yang digunakan. Pertama ialah ikat tunggal dan kedua ikat ganda.

kira- kira 5.5 meter serta berwarna merah gelap dengan reka bentuk dan motif berulang bunga.²⁶

Gambar 3.7: Kain Cindai



Sumber: <http://www.museum.um.edu.my/>

Koleksi Ukiran Kayu

Muzium Seni Asia turut menyimpan koleksi ukiran kayu seperti koleksi ukiran rumah tradisi Melayu meliputi ukiran pada panel berupa seni hias sulur- suluran dan seni khat terutama pada rumah- rumah bangsawan. Di samping itu, Muzium Seni Asia juga mempunyai koleksi topeng kayu masyarakat Orang Ali Mah Meri.²⁷

Koleksi Topeng Muka

Sebuah lagi koleksi Muzium Seni Asia yang unik ialah koleksi Topeng Muka. Muzium ini mempunyai tiga jenis topeng iaitu Topeng Muka Neolitik, Topeng Muka Ortodoks dan Topeng Muka Hudo.

²⁶ Abdul Aziz Abdul Rashid, "Koleksi Muzium Seni Asia", dalam *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, hlm.186-187; <http://www.museum.um.edu.my/> (tarikh diakses 20 Apr.2014).

²⁷ Ibid.

Topeng Muka Neolitik

Seni membuat topeng ini telah wujud sejak zaman Paleolitik lagi. Melalui penemuan awal yang dilakukan di tapak arkeologi 30,000 tahun yang lama di Teyjat, Dordogne dan lukisan gua di Lourdes, Perancis dibuktikan bahawa manusia telah menghasilkan topeng muka yang menggambarkan haiwan liar dan berhantu. Selain itu, terdapat juga kepercayaan bahawa orang yang memakai topeng ini akan mendapat kuasa yang luar biasa.²⁸

Biasanya topeng boleh dibahagikan kepada dua kategori yang utama iaitu antropomorfik. Topeng jenis ini akan memaparkan ciri-ciri manusia dan topeng theriomorphic, pula akan memaparkan ciri-ciri haiwan. Topeng yang dicipta untuk digunakan dalam upacara yang berkaitan dengan kematian, pemujaan roh, pemutus roh-roh jahat dan menyembuhkan penyakit yang disebabkan oleh kuasa-kuasa ghaib akan direka untuk kelihatan menyeramkan atau menakutkan dan ianya sering diperbuat dengan mata besar dan mempunyai taring yang panjang dan mempunyai tanduk. Sebaliknya, topeng untuk upacara kesyukuran dicipta dengan wajah lebih menarik menggunakan warna-warna terang dengan senyuman besar dan taringnya kurang menakutkan.²⁹

Selain itu, topeng yang dicipta juga dapat dilihat dalam pelbagai saiz. Topeng yang digunakan untuk upacara tahunan, perayaan dan penyakit dibuat untuk menyesuaikan saiz muka manusia, iaitu antara 6-8 inci. Walau bagaimanapun, topeng yang bersaiz besar sehingga dua kaki tinggi juga telah ditemui. Disebabkan topeng tersebut bersaiz besar maka ia jarang digunakan.³⁰

²⁸ *Pameran Topeng Masyarakat Asia*, Muzium Seni Universiti Malaya, 1998, hlm. 5.

²⁹ *Ibid.*, hlm. 11.

³⁰ *Ibid.*, hlm. 11-12.

Dalam masyarakat Melayu di Malaysia budaya memakai topeng tidak begitu penting dan hanya boleh dilihat dalam persembahan teater moden yang tidak mengandungi kepentingan agama. Hari ini topeng dicipta sebagai seni dan topeng- topeng tersebut kelihatan lebih menarik atau menakutkan hanya untuk sebab-sebab estetikanya. Topeng muka sebegini hanya diberikan sebagai cenderahati dan bukan untuk menakutkan roh jahat.

Topeng Muka Ortodok

Topeng Muka Ortodoks dibuat oleh suku kaum Jah Hut yang tinggal di luar bandar Pahang. Terdapat dua kumpulan tua ortodoks yang masih mengamalkan amalan pemakaian topeng. Kumpulan ortodoks yang pertama memakai topeng dengan kepercayaan yang kuat dalam pantang larang dan kuasa ghaib sementara kumpulan yang kedua mencipta topeng untuk tujuan komersial dan mereka sentiasa menghasilkan reka bentuk topeng yang baru. Topeng selalunya digunakan dalam kalangan orang Jawa dan masyarakat Bali di Indonesia khususnya dalam majlis-majlis khas. Selain itu, topeng juga digunakan untuk menyambut tetamu mereka. Pada hari ini, kebanyakan topeng digunakan sebagai hiasan di galeri seni atau di rumah kediaman yang terletak di bandar.

Hudo (Topeng Muka Bagi Kaum Kenyah dan Kayan Sarawak)

Hudo adalah topeng muka yang dipakai oleh sekumpulan penduduk asli Sabah dan Sarawak iaitu kaum Iban, Kenyah dan suku-suku Kayan sama ada bagi tujuan kebudayaan atau sekadar untuk hiburan

Gambar 3.8:Topeng Hudo



Sumber: Risalah Muzium Seni Asia, Universiti Malaya

Biasanya topeng ini akan dipakai pada permulaan atau semasa musim menuai dan juga untuk menyambut tetamu ke rumah mereka. Di samping itu, wanita Dayak daripada puak Kenyah dan Kayan juga akan memakai topeng Hudo untuk menakutkan anak-anak kecil yang masih bermain di luar semasa matahari terbenam. Topeng ini juga dipakai oleh pengamal perubatan keagamaan sewaktu menjalankan ritual dan juga semasa upacara pengebumian. Muzium Seni Asia mempunyai 16 Hudos yang telah disampaikan oleh Encik Nelson Tan dari Sarawak.³¹

Koleksi Anyaman dan Kelarai

Koleksi ini berkaitan dengan seni anyaman masyarakat Melayu dari bahan-bahan pandan, mengkuang, buluh, kulit batang sagu dan sebagainya. Ia memberikan dimensi dalam pola atau motif seni anyaman.³²

Koleksi Arca dan Ukiran Batu

Muzium Seni Asia juga menyimpan koleksi-koleksi yang dapat mencerminkan budaya India seperti patung India yang mewakili zaman Satavahana. Muzium ini juga

³¹ Fail inventori Muzium Seni Asia Kuala Lumpur.

³² Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, hlm.187.

menyimpan ikonografi Buddha dan Jain, ukiran- ukiran kuil, patung yang diperbuat daripada tembaga dan ukiran kayu.³³

Gambar 3.9: Arca Ganapati (Ganesha) Gwalior, 8M - 10 M



Sumber: Risalah Muzium Seni Asia, Universiti Malaya

Koleksi Mata Wang

Muzium Seni Asia juga mempunyai koleksi mata wang yang unik dan jarang ditemui pada masa kini. Antara koleksi mata wang yang berada dalam koleksi Muzium Seni Asia ialah duit emas Abbasid, Tulunid, Fatimid, Sumanid, Ghaznavid, Seljuk, Bawandid, Ayyubid, Mamluk, Ottoman dan duit perak Arab Sassanian dan Ummanyad.³⁴

Gambar 3.10: Koleksi Duit Syiling Emas dan Perak



Sumber: Risalah Muzium Seni Asia, Universiti Malaya

³³ Risalah Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.


³⁴ Fail inventori Muzium Seni Asia Kuala Lumpur.

Koleksi Lukisan

Koleksi Muzium Seni Asia juga meliputi koleksi lukisan yang berharga. Mulai awal September 1976, Muzium Seni Asia telah mempamerkan sebanyak 22 buah lukisan himpunan tetap. Lukisan- lukisan tersebut telah dipindahkan ke Kuala Lumpur daripada Singapura. Koleksi lukisan yang terdapat di Muzium Seni Asia ini meliputi karya- karya agung yang dihasilkan oleh pelukis terkenal seperti M. F Hussein dan Jamini Roy dari India³⁵, Chuah Tien Theng dari Malaysia, Widayat dari Indonesia dan Cheong Soo Pieng, Chan Wen Hsi dan Liu Kang dari Singapura.

M.F. Hussein merupakan seorang pelukis moden India yang terkenal manakala Jaimini Roy merupakan pelukis Bengal yang terkenal manakala Chuah Tien Theng, Cheong Soo Pieng, Chan Wen Hsi dan Liu Kang merupakan pelukis yang mempunyai kepakaran dalam seni lukis Cina.³⁶

Gambar 3.11: Karya Lukisan M.F. Hussein



Sumber: Risalah Galeri Seni Universiti Malaya

³⁵ Jaimini Roy dilahirkan pada tahun 1887 di Bengal, India. Beliau telah menghasilkan beberapa lukisan yang mencerminkan gaya *Post-Impressionist* dalam bentuk landskap dan potret. Kebanyakan karya Jamini Roy berdasarkan kehidupan seharian masyarakat Bengal yang tinggal di luar bandar. Karya beliau yang menyentuh tentang keagamaan. Karya beliau telah dipamerkan di London dan New York. (<http://www.culturalindia.net/indian-art/painters/jamini-roy.html> 1/5/2014 2.07 pm).

³⁶ *Budiman*, 15 September 1976.

Selain itu, terdapat juga lukisan yang dihasilkan oleh James Wathen, seorang Inggeris yang datang ke negara ini dan melukis beberapa tempat dan bangunan. Antara lukisannya ialah *Kelso House*, *The Highland of Scotland*, *Penang* dan *Suffolk House, Penang*. Muzium Seni Asia juga menyimpan lukisan Lai Foong Mei yang bertajuk *Indian Curry Worker*. Karya ini dihasilkan dengan menggunakan cat minyak di atas kanvas. Lukisan ini menggambarkan sekumpulan wanita yang sedang memproses kari. Sebahagian pengkritik seni mengenali pelukis ini sebagai *multi racial environment of Malaysia* dan sintesis kepada aliran *post impressionist*.³⁷

Kesimpulan

Secara keseluruhan pengumpulan koleksi merupakan tanggungjawab terpenting bagi sesebuah muzium dalam usaha mengekalkan warisan dunia. Muzium Seni Asia juga telah mengumpul koleksi dari Malaysia, Asia Tenggara, India, Timur Tengah, China dan Jepun. Tujuannya adalah untuk memelihara warisan tanah air dan Asia daripada pupus. Kesemua koleksi yang terdapat di muzium ini sangat berharga dan unik dengan cara yang tersendiri. Setiap koleksi yang terdapat di Muzium ini juga mempunyai fungsi yang tersendiri dan memaparkan keindahan dan keistimewaan tamadun Asia.

³⁷ Budiman, Julai/ Ogos, 2000, hlm. 20-21.

BAB EMPAT

AKTIVITI LUARAN MUZIUM SENI ASIA

Pengenalan

Muzium Seni Asia telah menjalankan pelbagai jenis aktiviti dan latihan yang dapat memberi maklumat yang berkaitan dengan seni kepada masyarakat. Antara aktiviti yang dijalankan ialah kelas apresiasi seni bagi pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah dan memberi penjelasan tentang koleksi seni yang terdapat di muzium. Selain itu pihak muzium juga mengadakan seminar atau bengkel yang berkaitan dengan seni. Tujuannya untuk memberi pendedahan kepada masyarakat umum mengenai seni tanah air dan seni Asia.

Muzium Seni Asia juga mengadakan pameran sementara di luar kampus. Hal ini dilakukan oleh pihak muzium untuk mendekati masyarakat umum yang berada di luar kampus. Melalui cara ini Muzium Seni Asia dapat dikenali ramai dan tidak terhad sebagai muzium dalam kampus sahaja. Muzium Seni Asia juga menawarkan perkhidmatan seperti mengadakan perkhidmatan menyewa peralatan yang terdapat di muzium seperti set gamelan, papan biru dan sebagainya bagi sesuatu acara.

Bab ini akan memperinci aktiviti yang dijalankan oleh muzium untuk mempromosikan koleksi yang terdapat dalam simpanannya. Pembuktian ini akan dibuat dengan mengesan aktiviti- aktiviti luaran terpilih muzium melalui pameran, seminar, media cetak, media elektronik dan melalui Galeri Seni Universiti Malaya.

Pameran Yang Diadakan Oleh Muzium Seni Asia

Lazimnya pameran merupakan aktiviti muzium yang dianggap paling berjaya. Pameran digunakan sebagai satu kaedah untuk menyebarkan maklumat dan mendidik masyarakat untuk menghayati dan menjaga khazanah warisan sejarah dan kebudayaan

sesuatu bangsa. Oleh itu pameran dianggap sebagai media yang paling efektif untuk mendekati muzium kepada masyarakat. Hal ini kerana apabila sesuatu pameran diadakan, orang ramai dapat mengunjungi pameran tersebut dan sekaligus dapat memperoleh maklumat mengenai muzium dan koleksi yang terdapat di muzium. Dengan ini pihak muzium dapat mempromosikan seni dan muzium dalam kalangan masyarakat umum.

Pameran yang dianjurkan oleh pihak muzium boleh dibahagikan kepada beberapa jenis antaranya pameran tetap, pameran sementara dan pameran bergerak. Pameran tetap disediakan di dalam balai-balai pameran yang menumpukan perhatian kepada tujuan dan fungsi muzium. Pameran sementara pula diadakan berdasarkan tajuk- tajuk tertentu yang boleh menarik minat dan perhatian orang ramai dan sekaligus dapat menggalakkan mereka melawat muzium bagi beberapa kali. Bentuk pameran yang ketiga iaitu pameran bergerak pula bertujuan untuk membawa muzium lebih dekat kepada masyarakat. Pekara ini dilakukan dengan menggunakan trak yang diubahsuai untuk mengisi peti-peti pameran. Pameran sebegini dapat mendidik anggota masyarakat yang berada di luar bandar serta memberi peluang kepada mereka untuk mengunjungi muzium.¹

Muzium Seni Asia juga telah menganjurkan beberapa pameran untuk mempromosikan koleksi muzium kepada masyarakat umum. Pameran pertama yang akan dibincangkan ialah Pameran Topeng Masyarakat Asia.

Pameran Topeng Masyarakat Asia

Pameran ini telah dianjurkan dengan kerjasama Muzium Sarawak, Encik Anthony Ratos dan Encik Nelson Tan dari 15hb Disember sehingga 31hb Januari 1999. Pameran ini telah berlangsung dari 9.00 pagi sehingga 4.30 petang dan dirasmikan oleh Tan Sri Dato'

¹Othman Yatim, "Peranan Muzium Dalam Mendidik Masyarakat: Pendidikan Formal Dan Tidak Formal" dalam, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, hlm .240- 241.

Dr . Haji Abdullah Sanusi Ahmad, Naib Canselor, Universiti Malaya pada 16hb Disember 1998.²

Tujuan Pameran Topeng Masyarakat Asia ini diadakan ialah untuk memperkenalkan hasil seni topeng masyarakat Asia kepada orang ramai. Hal ini kerana seni topeng memaparkan daya cipta dan kreativiti serta berfungsi sebagai salah satu elemen kebudayaan dan kepercayaan bagi sesebuah masyarakat. Melalui pameran sebegini Muzium Seni Asia juga dapat memaparkan budaya sesebuah masyarakat. Pameran ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan kefahaman masyarakat umum terutama mengenai kesenian lampau sebagai gambaran nilai masyarakat berkenaan. Umpamanya topeng masyarakat pribumi Melayu dikaitkan dengan kepercayaan terhadap roh nenek moyang yang mesti mereka sanjungi kewujudannya pada setiap tahun.³

Topeng- topeng yang dipamerkan dalam pameran ini terdiri daripada beberapa jenis yang berbeza dan berasal dari tempat yang berlainan. Antaranya topeng hasil ukiran masyarakat Mah Meri yang dinamakan sebagai Moyang Tok Naning. Topeng yang berasal dari Pulau Carey, Kemboja, Sri Lanka dan daerah pedalaman Sarawak. Topeng – topeng yang dipamerkan ini juga telah disumbangkan oleh beberapa pihak iaitu TYT P.S. Sahai, Pesuruh Jaya Tinggi India di Malaysia, En. Nelson Tan, Pengarah Nelsons Gallery, Kuching Sarawak dan En. Anthony Ratos, Pengarah Syarikat Leela Ratos dan Rakan- Rakan, Kuala Lumpur.⁴

Pameran Seni Tekstil Tradisi Melayu

Sejak zaman dahulu lagi tekstil dan pakaian telah mendapat tempat yang istimewa dalam budaya Melayu. Pekara ini dapat dibuktikan melalui catatan yang terdapat dalam buku-buku sejarah Melayu. Antara tekstil yang boleh dilihat dalam catatan tersebut adalah kain atau

² *Pameran Topeng Masyarakat Asia*, Muzium Seni Asia Universiti Malaya, 1998.

³ *Ibid.*, hlm. 3.

⁴ *Ibid.*, hlm. 16- 20.

tekstil songket, sutera, limar, cindai dan lain- lain. Dengan menyedari kepentingan tekstil, Muzium Seni Asia telah mengambil peluang untuk mempamerkan kain atau tekstil Melayu yang indah dan cantik kepada masyarakat umum.

Pameran “Seni Tekstil Tradisi Melayu” ini telah dianjurkan oleh Muzium Seni Asia dengan kerjasama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Pameran ini telah berlangsung dari 1 Oktober sehingga 30 Oktober 1996 di Muzium Seni Asia. Pameran ini telah dikurortkan oleh En. Abd Aziz Abdul Rashid dengan bantuan kaki tangan Muzium Seni Asia.⁵

Pameran ini menumpukan perhatian kepada keindahan seni pertukangan Melayu khususnya dalam penciptaan tekstil. Pameran ini berusaha untuk memberikan gambaran khazanah kebudayaan orang Melayu. Pameran ini juga menumpukan perhatian kepada pelawat supaya mereka dapat peluang untuk menghayati aspek- aspek kain, khususnya kain songket.⁶

Melalui pameran ini pelbagai jenis kain yang ditenun ataupun dihias oleh ahli- ahli seni tekstil tempatan yang pakar telah dipamerkan. Antara jenis-jenis kain yang dipamerkan ialah kain Cindai, Songket, Bugis, Gerus, Telepuk, Limar, Songket Limar, Samarenda dan Tenunan.⁷

Pameran Seni Bina dan Ukiran Kayu Melayu

Rumah menjadi satu keperluan bagi manusia. Rumah menjadi satu keperluan bagi manusia dan memainkan peranan yang penting dalam setiap masyarakat. Begitu juga dengan orang Melayu, mereka juga tidak dapat dipisahkan daripada rumah. Mereka mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan rumah. Orang Melayu menganggap rumah sebagai satu tempat yang istimewa dan membina rumah dengan menggunakan reka bentuk dan ukiran yang

⁵ *Seni Tekstil Tradisi Melayu*, Kuala Lumpur: Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, 1996.

⁶ *Ibid.*, hlm. 2.

⁷ *Ibid.*, hlm. 21-22.

unik supaya rumah mereka kelihatan cantik. Untuk membina rumah yang cantik mereka juga akan memberi perhatian kepada aspek seni bina dan ukiran kayu. Jika kedua-dua aspek ini diberi perhatian maka rumah yang dibina akan kelihatan lebih cantik lagi.

Muzium Seni Asia yang menyedari akan kepentingan kedua-dua aspek ini iaitu seni bina dan ukiran kayu telah menganjurkan “Pameran Seni Bina dan Ukiran Kayu Melayu”. Pameran ini telah berlangsung dari 6hb Jun hingga 7hb Julai 2001 dan telah dirasmikan oleh Ybhg. Dato’ Dr. Anuar Zaini Md. Zain, Naib Canselor Universiti Malaya pada 6hb Jun 2001.⁸

Pameran ini bertujuan untuk menyebarkan pengetahuan hasil budaya Melayu khususnya seni bina dan ukiran kayu kepada orang ramai. Selain itu pameran ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai supaya mereka dapat menghayati dan menjaga kelangsungan budaya bangsa. Pameran ini diadakan untuk mengenalpasti idea-idea alternatif bagi seni bina dan ukiran Melayu yang bermediakan kayu kepada bahan lain sekiranya memungkinkan dan juga untuk menyatukan idea-idea terkini masyarakat negara ini untuk menghasilkan satu identiti budaya berteraskan kebudayaan Melayu.⁹

Terdapat beberapa aktiviti menarik yang telah dijalankan dalam pameran ini. Antaranya pameran artifak- artifak ukiran kayu, model- model rumah tradisi 2D dan 3D yang unik, *measured drawing* dan buku- buku senibina moden dan tradisi. Melalui pameran ini pelawat dapat meneroka sejarah seni bina, mengenali pelbagai jenis rumah Melayu, konsep mendirikannya dan juga kepentingan sentuhan seni ke atas sesuatu bahan dan dapat menyedari dan menghargai rekaan asli dan cantik.

⁸“Seminar Sehari Seni Bina dan Seni Ukiran Kayu Melayu”, Universiti Malaya, Muzium Seni Asia, Kuala Lumpur, 2001.

⁹ Ibid.

Pameran Malapetaka Bom Atom: Tragedi Hiroshima & Nagasaki 1945

Pameran yang dianjurkan oleh muzium bukan sahaja untuk mempromosikan koleksi malah untuk tujuan lain juga. Pekara ini dapat dilihat apabila Muzium Seni Asia mengadakan “Pameran Malapetaka Bom Atom: Tragedi Hiroshima & Nagasaki 1945”. Pameran ini untuk memberi kesedaran mengenai tragedi yang penuh bersejarah itu kepada orang ramai. Maka jelaslah disini bahawa pihak muzium telah menggunakan pameran sebagai alat untuk mendidik masyarakat.

Pameran ini telah dianjurkan oleh Muzium Seni Asia dengan kerjasama Program Pengajian Jepun, Jabatan Pengajian Timur di Fakulti Sastera dan Sains Sosial dan dengan kerjasama Nagasaki National Peace Memorial Hall for the Atomic Bomb Victims. Pameran ini telah berlangsung dari 20hb Ogos sehingga 31hb Oktober 2009 di Muzium Seni Asia. Pameran ini bertujuan untuk menyalurkan maklumat tentang sejarah tragedi pengemboman bom atom di Hiroshima dan Nagasaki yang mengajar erti keamanan bagi seluruh umat manusia.¹⁰

Sepanjang pameran ini berlangsung pelbagai jenis program telah diadakan. Antara program yang telah berlangsung ialah pameran koleksi foto yang menggambarkan keadaan geografi dan suasana Hiroshima dan Nagasaki akibat dari kemusnahan bom atom. Selain itu artifak seperti pinggan, pakaian seragam pelajar sekolah menengah rendah, serpihan kaca, dan barang-barang lain yang terdedah kepada kesan haba dan sinaran bom atom turut dipamerkan.

Pameran ini juga telah mengadakan temubual bersama mangsa terselamat daripada tragedi bom. Tujuannya untuk mengetahui cerita dan pengalaman mangsa yang terselamat. Antara mangsa yang telah menceritakan kisah pengalamannya ialah En. Tsukasa Watanabe yang telah terselamat di bawah runtuh atap genting. Di samping itu, tayangan video juga

¹⁰Risalah Pameran Malapetaka Bom Atom: Tragedi Hiroshima & Nagasaki 1945, Muzium Seni Asia, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2009.

telah diadakan. Tayangan video ini telah merakamkan kisah mangsa yang terselamat dan juga filem dokumentari yang memaparkan kemusnahan akibat ledakan bom atom.

Pameran ini juga telah mengadakan Aktiviti Mesej Keamanan. Selepas pelawat melawat pameran ini, mereka boleh menghasilkan satu mesej keamanan tersendiri. Mesej ini akan dibawa pulang ke Nagasaki dan disimpan di Nagasaki National Peace Memorial Hall. Satu lagi aktiviti menarik yang telah dijalankan dalam pameran ini ialah aktiviti lipatan kertas kraf-burung jenjang. Di Jepun seseorang akan membuat lipatan kertas berbentuk burung jenjang dengan harapan agar doanya tercapai. Amalan ini telah menjadi satu tradisi di bandaraya Hiroshima dan Nagasaki. Sebagai tanda simbolik, 1000 lipatan telah dibuat dan dirangkaikan bagi memohon keamanan. Menerusi aktiviti ini para pelawat yang melawat pameran ini mendapat peluang untuk melakukan lipatan kertas dan mendoakan keamanan dunia.¹¹

Seminar Yang Dijalankan Oleh Muzium Seni Asia

Satu lagi aktiviti muzium yang telah merapatkan muzium dengan masyarakat ialah seminar, khususnya mengenai koleksi muzium, fungsi muzium dan hal – hal yang berkaitan dengan sejarah dan kebudayaan. Melalui cara ini orang ramai dapat mengetahui kewujudan muzium, koleksi dan kemudahan- kemudahan yang ditawarkan oleh muzium. Walaupun pihak Muzium Seni Asia telah menganjurkan banyak seminar tetapi bab ini hanya akan membincangkan beberapa seminar terpilih.

Seminar Sehari Seni Bina dan Seni Ukiran Kayu Melayu

Kayu-kayan yang ada di sekeliling masyarakat Melayu telah diolah untuk dijadikan sebagai alat untuk kegunaan harian. Orang Melayu telah menggunakan kayu-kayan ini untuk

¹¹ Ibid.

membina rumah mengikut citarasa mereka. Rumah- rumah tersebut dibentuk dengan reka bentuk dan ukiran yang sangat indah dan cantik dan amalan ini telah menjadi satu tradisi yang diamalkan secara turun-temurun.

Pihak muzium Seni Asia yang menyedari tentang kepentingan seni bina dan seni ukiran kayu Melayu telah menganjurkan “Seminar Sehari Seni Bina dan Seni Ukiran Kayu Melayu”. Seminar ini telah berlangsung pada 6hb Jun 2001 dari pukul 9.30 pagi sehingga 5.30 petang di tingkat 1, Muzium Seni Asia. Seminar ini telah dianjurkan oleh pihak Muzium Seni Asia dengan kerjasama Akademi Pengajian Melayu dan Fakulti Alam Bina Universiti Malaya.¹² Dalam seminar ini sebanyak lima topik utama telah dibicarakan. Tujuannya adalah untuk memahami seni bina dan ukiran kayu Melayu. Kesemua topik- topik ini telah dibicarakan oleh tokoh- tokoh yang bergiat dalam bidang masing- masing seperti Prof. Dr. Norazit Selat, Pengarah Akademi Pengajian Melayu, En. Zawawi Hj Itam Osman, Jabatan Muzium dan Antikuiti, Prof. Ezrin Arbi dan En. Zunaibi Abdullah dari Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya, Prof . Madya Dr. Othman Yatim dari Muzium Seni Asia dan juga Drs. Abdul Rahman Al Ahmadi seorang tokoh Budaya.¹³ Berikut adalah kertas kerja yang telah dibentangkan oleh tokoh- tokoh yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing masing.

Jadual 4.1: Kertas Kerja Yang Telah Dibentangkan Dalam Seminar Sehari Seni Bina dan Seni Ukiran Kayu Melayu¹⁴

Senarai Kertas kerja yang dibentangkan
Rumah Sebagai Manifestasi Jatidiri Melayu, oleh Norazit Selat.
Pemuliharaan Warisan Seni Bina dan Seni Ukir Melayu, oleh Zawawi bin Hj. Itam Osman.
Kepelbagaian Bentuk Rumah Melayu: Satu Tinjauan Sejarah, oleh Othman Yatim.

¹² “Seminar Sehari Seni Bina dan Seni Ukiran Kayu Melayu”, Universiti Malaya, Muzium Seni Asia, Kuala Lumpur, 2001.

¹³ Ibid.

¹⁴ Ibid.

Seni Bina Tradisi: Tinjauan Dari Sudut Etnis dan Antropologi, oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi.

Stuktur Binaan Rumah Tradisional Melayu, oleh Ezrin Arbi dan Zunaibi Abdullah.

Seminar Tembikar Tradisi di Malaysia

Tembikar merupakan salah satu koleksi Muzium Seni Asia. Koleksi tembikar yang terdapat di Muzium Seni Asia ini mempunyai bentuk, motif dan ciri yang berbeza. Kesemua tembikar ini berasal dari negara yang berlainan. Bagi mendedahkan maklumat mengenai koleksi tembikar ini kepada orang luar, Muzium Seni Asia telah menganjurkan Seminar Tembikar Tradisi di Malaysia pada 11 Oktober 2008. Dalam seminar ini sebanyak lapan topik utama telah dibincangkan. Tujuannya adalah untuk memahami perkara yang berkaitan dengan tembikar. Perbincangan tersebut merangkumi maklumat mengenai peranan dan sejarah tembikar di Malaysia. Berikut adalah jadual mengenai senarai kertas kerja yang telah dibentangkan:

Jadual 4.2: Kertas Kerja Yang Telah Dibentangkan Dalam Seminar Tembikar Tradisi di Malaysia¹⁵

Senarai Kertas Kerja yang telah dibentangkan
Tembikar Tradisi Di Kuala Selangor, oleh Intan Salina Idrus.
Kepelbagaiaan Peranan Tembikar Tanah: Tinjauan Berdasarkan Tapak Arkeologi Terpilih Di Semenanjung Malaysia, oleh Mohd. Supian Bin Sabtu.
Tembikar Seni Tradisi: Dari Koleksi Muzium Seni Asia dan Penyelidikan Lapangan, oleh Abd. Aziz bin Abdul Rashid.
Komunikasi Muzium Dalam Memartabatkan Seni Warisan Tradisi Malaysia, oleh Zahirah Noor Zainol Abidin.

¹⁵“Seminar Tembikar Tradisi di Malaysia”, Universiti Malaya, Muzium Seni Asia, Kuala Lumpur, 2008.

Kaedah dan Cadangan Menginventori Tembikar Sebagai Seni Warisan Melayu, oleh Mohd. Ramli Raman.
Penjanaan Idea Kreatif Pereka Seni Tembikar Melalui Teknik Sumbangsaan, oleh Sabzali Musa Khan.
Tembikar dan Pertumbuhan Tamadun: Satu Proses Evolusi Budaya, oleh Abd. Wahid Jais.
Asal- Usul Tembikar Prasejarah Di Perak, oleh Ayaari Muhamad.

Syarah Umum dan Bengkel: Mengenal Beberapa Spesis Keris Buatan Semenanjung

Keris merupakan sejenis senjata Melayu yang terkenal. Keris juga dianggap sebagai senjata yang mempunyai prestij, penuh kerahmatan dan juga mempunyai nilai estetika yang tinggi. Keris juga dianggap sebagai lambang kebesaran bagi raja- raja dan pembesar Melayu. Ada sebahagian yang menganggap keris sebagai suatu benda yang mempunyai aspek mistik. Bagi mengukuhkan lagi kedudukan keris, Muzium Seni Asia telah menganjurkan “Syarah Umum dan Bengkel: Mengenal Beberapa Spesis Keris Buatan Semenanjung”.

Syarah Umum ini telah diadakan pada 14hb Jun 2007 dari 9 pagi hingga 5 petang di tingkat 1, Muzium Seni Asia. Bengkel ini dijalankan untuk mengenal jenis keris yang terdapat di semenanjung dan juga untuk mengenal sejarah keris dan fungsinya dalam masyarakat Melayu. Dalam bengkel ini sebanyak lapan topik utama telah dibicarakan.¹⁶

Kesemua topik- topik ini dibicarakan oleh tokoh- tokoh yang bergiat dalam bidang masing- masing. Antaranya Ybhg. Dato’ Yazid Bin Mat, Bekas ADUN dan Exco Kebudayaan Negeri Perlis; En. Mohd Izani Mat II, dari Fakulti Seni Muzik, Universiti Perguruan Sultan Idris; En. Mohd. Ramli B Raman, dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya; Ybhg.

¹⁶ Syarah Umum dan Bengkel: Mengenal Beberapa Spesis Keris Buatan Semenanjung, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007.

Prof Madya Dato' Zainal Abidin Borhan, Pengarah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya; En. Abd Aziz Abdul Rashid, Ketua Muzium Seni Asia; En. Abd Wahid Jais, dari Seksyen Ko Kurikulum, Elektif Luar dan TITAS (SKET), Universiti Malaya dan Pn. Che Putih Ismail, Ketua Perpustakaan, Universiti Malaya. Berikut adalah jadual kertas kerja yang dibentangkan oleh tokoh- tokoh yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing masing.¹⁷

Jadual 4.4: Kertas Kerja Yang Dibentangkan Dalam Syarahan Umum dan Bengkel: Mengenali Beberapa Spesis Keris Buatan Semenanjung.¹⁸

Senarai Kertas Kerja Yang Telah Dibentangkan
Latar Belakang dan Sejarah Keris dan Lain- Lain Senjata Melayu Berpandukan Teks Bahan Kesusasteraan Melayu Lama, oleh Dato' Yazid Bin Mat.
Jenis- Jenis Besi Membuat Keris, oleh En. Mohd Izani Mat II.
Klasifikasi/ Kategori Keris Semenanjung, oleh Dato' Yazid Bin Mat.
Fungsi Keris Dalam Masyarakat Melayu, oleh En. Mohd. Ramli B Raman.
Keris dan Kuasa, oleh Prof Madya Dato' Zainal Abidin Borhan.
Keris dan Senjata Logam Tradisi Dalam Koleksi Muzium Seni Asia – Satu Inventori Artifak Budaya Muzium , oleh Abd Aziz Abdul Rashid.
Senjata Dalam Perkembangan Tamadun, oleh En. Abd Wahid Jais.
Penerbitan Mengenai Keris Dalam Perpustakaan Universiti Malaya, oleh Che Putih Ismail.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibid.

Media Cetak dan Muzium Seni Asia

Muzium Seni Asia juga telah melakukan pelbagai aktiviti untuk mempromosikan koleksi yang terdapat dalam simpanannya melalui media cetak. Melalui media cetak ini Muzium dapat menyalurkan mesej mengenai kepentingan koleksi dan muzium kepada masyarakat umum. Tujuannya adalah untuk menyebarkan maklumat yang berguna mengenai seni tanah air dan seni Asia kepada masyarakat umum.

Muzium Seni Asia telah menghasilkan pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan koleksi muzium dalam pelbagai bentuk antaranya penulisan dalam buku, kertas kerja persidangan, bab dalam buku, dan artikel dalam majalah dan surat khabar. Penulisan awal berkaitan dengan Muzium Seni Asia dapat dikesan pada tahun 1987 apabila William Willetts, Kurator Muzium Seni Asia menghasilkan pelbagai jenis artikel dalam *Business Times*.¹⁹ Penulisan beliau meliputi bidang kesenian, sejarah dan budaya.

Buku

Muzium Seni Asia telah menerbitkan pelbagai buku. Buku- buku tersebut meliputi pelbagai tema. Antara tema yang menjadi fokus mereka adalah mengenai sejarah penubuhan muzium dan koleksi yang terdapat dalam muzium. Buku- buku yang ditulis atau dihasilkan oleh pihak Muzium Seni Asia ialah seperti *Muzium Seni Asia=Museum of Asian Art University of Malaya*, Khoo Joo Ee, *Kendi Pouring Vessels in the University of Malaya Collection*,²⁰ *Seni Tekstil Tradisi Melayu*²¹ dan *Songket : Satu Warisan Malaysia*.²²

Buku-buku ini dapat memberikan maklumat tentang sejarah awal penubuhan Muzium Seni Asia serta koleksi seni yang terdapat dalam muzium dan sejauhmana seni tersebut telah dimasyarakatkan. Khoo Joo Ee, *Kendi Pouring Vessels in the University of Malaya Collection*,

¹⁹ Senarai artikel dalam surat khabar yang telah ditulis oleh William Willetts boleh dirujuk di lampiran.

²⁰ Khoo Joo Ee, *Kendi Pouring Vessels in the University of Malaya Collection*, 1991.

²¹ *Seni Tekstil Tradisi Melayu*, Kuala Lumpur : Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, 1996.

²² *Songket: Satu Warisan Malaysia*, Petronas: Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, 1999.

Seni Tekstil Tradisi Melayu, telah membincangkan tentang sejarah awal penubuhan Muzium Seni Asia dan koleksi bahan seni seperti kendi dan tekstil Melayu. Buku *Muzium Seni Asia=Museum of Asian Art University of Malaya* mengandungi maklumat mengenai sejarah awal penubuhan Muzium Seni Asia dari tahun 1955. Selain itu buku ini juga memuatkan maklumat yang lengkap mengenai koleksi artifak yang terdapat di Muzium seperti nama koleksi, ukuran koleksi dan juga maklumat mengenai penderma. Kesemua koleksi tersebut disertakan dengan gambar. Dengan membaca buku ini seseorang dapat mengetahui sejarah awal penubuhan Muzium Seni Asia dengan lebih terperinci.

Selain itu, buku bertajuk *Kendi Pouring Vessels in the University of Malaya Collection* merupakan satu lagi buku yang dapat memberikan maklumat mengenai koleksi kendi yang terdapat di Muzium Seni Asia. Buku ini ditulis oleh Khoo Joo Ee, Ketua dan Kurator Muzium Seni Asia dan diedit oleh Dawn F. Rooney. Penerbitnya ialah Oxford University Press dan telah diterbitkan pada tahun 1991. Seperti yang diketahui, koleksi kendi di Muzium Seni Asia, Universiti Malaya merupakan koleksi kendi terbesar di dunia yang mempunyai sejarah 1000 tahun. Koleksi kendi ini berasal dari beberapa buah negara di Asia. Kesemua koleksi Kendi Air ini mempunyai corak yang berbeza dan bahan serta teknik yang digunakan untuk membentuk kendi air ini juga berlainan.

Buku ini telah membincangkan secara terperinci koleksi kendi yang terdapat di Muzium Seni Asia (MSA) dan telah memberi gambaran yang jelas tentang kendi. Antara perkara yang telah dibincangkan dalam buku ini ialah pengertian kendi, evolusi pengaruh kendi, perkembangan perdagangan seramik di Asia, proses bagi menghasilkan seramik dan juga mengenai koleksi yang terdapat di Muzium Seni Asia mengikut kategori. Kesemua koleksi ini dibahagikan dalam beberapa kategori mengikut tempat asalnya. Selain itu, terdapat juga gambar-gambar kendi yang disertakan dengan diskripsi supaya pembaca

dapat melihat dan mengetahui mengenai kendi dengan lebih mendalam. Seterusnya *Seni Tekstil Tradisi Melayu* merupakan sebuah lagi buku yang diterbitkan oleh Muzium Seni Asia pada tahun 1996. Buku ini mengandungi maklumat mengenai pameran Seni Tekstil Tradisi Melayu yang dianjurkan oleh Muzium Seni Asia dengan kerjasama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Buku ini telah memuatkan maklumat mengenai Muzium Seni Asia, latar belakang mengenai pameran tersebut, jenis-jenis kain yang dipamerkan, gambar kain dan juga senarai bahan-bahan pameran. Selain itu, terdapat juga sebuah artikel yang ditulis oleh Profesor Ramah Bujang mengenai keindahan kain songket. Artikel ini dapat memberikan maklumat lengkap mengenai tekstil Melayu dan mengenai koleksi tekstil yang ada di Muzium Seni Asia. Melalui buku ini juga pihak muzium telah memberi maklumat kepada masyarakat umum untuk mengenali dan menghayati kesenian yang terdapat pada tekstil tradisi Melayu sekaligus membuktikan bahawa pihak muzium telah berusaha untuk memelihara dan memasyarakatkan seni tanah air .

Ketiga- tiga buku yang dikupas memberikan satu gambaran menyeluruh mengenai sejarah penubuhan dan koleksi yang terdapat di Muzium Seni Asia. Kesemua buku ini telah dihasilkan oleh penulis berpengalaman dan mereka juga mempunyai kelayakan akademik yang tinggi. Maka jelaslah bahawa kesemua buku ini merupakan bahan yang berbentuk ilmiah yang bukan sahaja dapat memberikan maklumat mengenai muzium kepada para pembaca tetapi juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan.

Bab dalam Buku

Penulisan yang berkaitan dengan Muzium Seni Asia juga dapat dikesan dalam bab buku yang berjudul *Bahasa Verbal dan Bukan Verbal II Linguistik, Sastera dan Peradaban*. Buku ini mengandungi sebuah bab yang membincangkan tentang Muzium Seni Asia. Buku ini disunting oleh Hasuriah Che Omar, Noriah Mohamed dan Radiah Yusoff.

Buku ini telah diterbitkan oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad dengan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2009. Bab yang membincangkan tentang Muzium Seni Asia dalam buku ini ialah bab yang ke-12. Bab ini bertajuk “Memahami Bahasa Bukan Verbal Berdasarkan Koleksi Artifak Muzium Seni Asia Universiti Malaya.” Bab ini telah ditulis oleh Abd. Wahid Jais dan Abd. Aziz Abdul Rashid. Pekara yang dibincangkan dalam bab ini adalah tentang koleksi artifak yang terdapat di Muzium Seni Asia yang digunakan untuk memahami bahasa bukan verbal.

Bab ini juga memberi gambaran yang jelas mengenai koleksi artifak yang terdapat di muzium dan juga penjelasan mengenai beberapa buah alatan tradisional Melayu seperti keris, caping dan sebagainya. Secara keseluruhan bab dalam buku ini telah membincangkan tentang koleksi Muzium Seni Asia yang telah membantu dalam pemahaman bahasa bukan verbal.

Sebuah lagi bab dalam buku yang membincangkan tentang Muzium Seni Asia ialah “*Jaringan Muzium Asia Timur.*” Bab ini membincangkan tentang koleksi artifak yang terdapat di Muzium Seni Asia serta mengikut kategori.

Secara keseluruhan kedua-dua bab dalam buku ini telah membincangkan koleksi Muzium Seni Asia dengan terperinci.

Artikel dalam Majalah

Koleksi yang terdapat di Muzium Seni Asia telah diterbitkan dalam bentuk artikel dalam buku, majalah dan jurnal. En. Aziz, Kurator Muzium Seni Asia telah banyak menulis artikel mengenai koleksi artifak yang terdapat di Muzium dalam majalah *Budiman*.²³ Majalah *Budiman* ini telah menyediakan ruang khas yang dikenali sebagai “Khazanah

²³ Majalah *Budiman* ialah majalah rasmi Universiti Malaya. Majalah ini mengandungi berita mengenai aktiviti yang berlaku di universiti meliputi bahagian pentadbiran, fakulti dan asrama. Majalah ini telah mula diterbitkan oleh Universiti Malaya pada tahun 1975.

Muzium Seni Asia.” Di ruang ini setiap artikel yang berkaitan dengan Muzium Seni Asia diterbitkan. Antara koleksi artifak yang telah dibincangkan ialah mengenai Gendang Dongson;²⁴ Tembikar Karatsu;²⁵ Surat Lord Minto;²⁶ Kendi;²⁷ Topeng;²⁸ Proselin Kraak;²⁹ Tempayan;³⁰ Kain Cindai;³¹ Caping;³² Tembikar Khemer;³³ Tembikar Celadon;³⁴ Tepak Sirih Melayu;³⁵ Alat- alat penulisan silam;³⁶ Koleksi lukisan;³⁷ Keris;³⁸ Mistar;³⁹ Tembikar China⁴⁰ dan Tembikar Seni Islam.⁴¹ Tujuan penulisan ini adalah untuk memberi pengetahuan tentang koleksi yang terdapat dalam muzium secara ilmiah. Kesemua artikel dalam majalah ini telah menghalkan tentang asal-usul, ciri-ciri dan fungsi koleksi secara teliti dan setiap artikel tersebut disertakan dengan gambar koleksi. Melalui usaha ini Muzium Seni Asia berjaya memperkenalkan khazanah seni yang terdapat di muzium kepada orang ramai khususnya kepada masyarakat kampus.

En. Aziz juga telah menulis beberapa artikel yang membincangkan tentang pemeliharaan bahan, koleksi artifak di muzium,⁴² muzium dan globalisasi⁴³ dan peranan muzium sebagai institusi pendidikan.⁴⁴

²⁴ “Gendang Dongson”, *Budiman*, Mei/ Jun, 1997, hlm. 18.

²⁵ “Tembikar Karatsu”, *Budiman*, November/ Disember, 1997, hlm. 19.

²⁶ “Surat Lord Minto”, *Budiman*, Januari/ Februari, 1998, hlm.9.

²⁷ “Kendi”, *Budiman*, Budiman, Ogos/ September, 1998, hlm.13.

²⁸ “Topeng : Wajah Palsu”, *Budiman*, November/ Disember, 1998, hlm. 8-10.

²⁹ “Proselin Kraak”, *Budiman*, November/ Disember, 1998, hlm.21.

³⁰ “Tempayan”, *Budiman*, Jan/ Februari, 1999, hlm. 21-22.

³¹ “Misteri Cindai”, *Budiman*, Mac/ April, 1999, hlm.20-21.

³² “Caping”, *Budiman*, Mei/ Jun, 1999, hlm. 18-19.

³³ “Tembikar khemer”, *Budiman*, Julai/ Ogos, 1999, hlm.20-21.

³⁴ “Tembikar Celadon”, *Budiman*, November/ Disember, 1999, hlm. 21-22.

³⁵ “Tepak Sirih Melayu”, *Budiman*, Januari/ Februari, 2000, hlm. 16-17.

³⁶ “Alat- alat Penulisan Silam Kaya dengan Kesenian Indah”, *Budiman*, Mac / April 2000, hlm. 19-20.

³⁷ “Koleksi Lukisan Muzium Seni Asia”, *Budiman*, Julai/ Ogos 2000, hlm. 20-21.

³⁸ “Keris.. Seseorang yang meletakkan keris bermakna ia meletakkan jawatannya”, *Budiman*, September/ Oktober 2000, hlm. 20-21.

³⁹ “Mistar peralatan astronomi Islam”, *Budiman*, November / Disember 2000, hlm. 12 dan 14.

⁴⁰ “Apakah motif tembikar China?”, *Budiman*, Mac/ April 2002, hlm. 10-11.

⁴¹ “Tembikar Seni Islam”, *Budiman*, November/Disember 2002, hlm. 12-13.

⁴² “Pemuliharaan Preventif Selamatkan Artifak Daripada ‘Pencuri Senyap’ ”, *Budiman*, Januari/ Februari 2001, hlm. 9-11.

⁴³ “Muzium dan Globalisasi”. *Budiman*, Julai/ Ogos 2002, hlm. 18-19.

⁴⁴ “Muzium Sebagai Institusi Pendidikan”, *Budiman*, September/ Oktober 2002, hlm. 13-14.

Menerusi artikel “Muzium dan Globalisasi”, penulis telah mefokuskan kepada beberapa artifak bernilai global yang dijumpai di seluruh dunia. Beberapa bilah kapak, pahat dan pisau batu koleksi Muzium Seni Asia yang dijumpai di kawasan Ulu Tembeling Pahang telah dijadikan contoh utama dalam memerhati kesan- kesan hubungan masyarakat silam. Pekara ini menunjukkan Muzium Seni Asia bukan sahaja menghasilkan penulisan yang berkaitan dengan Muzium Seni Asia tetapi juga meliputi koleksi muzium yang mempunyai kepentingan global.

Media Elektronik

Pada era moden ini media elektronik memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Media elektronik merangkumi laman web dan laman web sosial. Dalam usaha mendekati masyarakat, Muzium Seni Asia menggunakan media elektronik sebagai satu saluran untuk menyampaikan maklumat kepada oarang ramai. Antara cara yang digunakan ialah mempromosikan muzium dan koleksinya melalui laman web.

Muzium Seni Asia bersama Galeri Seni Universiti Malaya mempunyai sebuah laman web khas yang memberikan maklumat yang jelas mengenai muzium serta aktiviti yang dijalankan oleh muzium. Selain itu, Muzium Seni Asia dan Galeri Seni juga mempunyai laman Facebook. Facebook ini dapat membantu menyalurkan maklumat yang berkaitan dengan muzium dan galeri seni kepada masyarakat umum dengan lebih mudah, cepat dan percuma.

Aktiviti Luaran Muzium Seni Asia Melalui Galeri Seni Universiti Malaya

Penubuhan Galeri Seni Universiti Malaya merupakan satu lagi aktiviti luaran Muzium Seni Asia. Galeri Seni ini berperanan memperkenalkan koleksi seni tanah air dan seni Asia terutamanya koleksi lukisan yang berharga dan unik kepada orang ramai.

Idea untuk menubuhkan Galeri Seni ini dikemukakan oleh Tan Sri Datuk Dr. Ghauth Jasmon, Naib Canselor Universiti Malaya pada tahun 2011. Galeri Seni Universiti Malaya atau University of Malaya Art Gallery (UMAG) merupakan sebuah tempat untuk memelihara budaya seni dan telah menjadi ikon bagi Universiti Malaya. Galeri Seni ini juga memberi ruang kepada aktiviti pembelajaran secara kreatif dan mengadakan pameran hasil karya pelukis tempatan dan antarabangsa.⁴⁵ Pada tahun 2011, Galeri Seni Universiti Malaya mempunyai empat orang Artis Residen iaitu Juhairi Said, Maamor Jantan, Mohd Yusof Ismail dan Soh Boon Kiong. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan oleh Galeri Seni untuk memelihara dan memasyarakatkan seni. Antara lima aktiviti yang telah dianjurkan ialah “Pameran Seni: Festival Konvokesyen Universiti Malaya (FESKUM)” dari 3hb Oktober sehingga 8 Oktober 2011, “Projek Around Campus with the KL Sketchers”, pada 15hb Oktober 2011, “Syarahan The French Masters Series: Pierre Soulages” pada 16hb November 2011, “Art 4 All – Resident Artist & Student Activity” di Hari Keusahawanan UM dari 6hb Disember sehingga 7hb Disember 2011 dan “Syarahan The French Masters Series: Yan Pei Ming” pada 8hb Disember 2011.⁴⁶

Secara keseluruhan Muzium Seni Asia melalui penubuhan Galeri Seni telah mendekati aktiviti mereka dengan masyarakat umum. Hal ini penting kerana Galeri ini pada masa depan dapat menjalankan lebih banyak aktiviti menarik yang dapat mempromosikan seni tanah air dan seni Asia kepada masyarakat. Penubuhan Galeri ini juga membuktikan bahawa peranan Muzium Seni Asia telah diperluaskan dan Muzium telah bergerak ke satu tahap yang lebih tinggi.

⁴⁵ *Laporan Tahunan*, Universiti Malaya, 2011, hlm. 48.

⁴⁶ *Ibid.*

Kesimpulan

Muzium Seni Asia telah menjalankan banyak aktiviti luaran untuk memberi pendedahan mengenai muzium dan koleksi kepada masyarakat umum dan perkara ini dilakukan melalui pameran, seminar, media cetak, media elektronik dan melalui Galeri Seni Universiti Malaya. Kesemua aktiviti ini telah membawa hasil kepada Muzium Seni Asia. Ia menyebabkan bilangan pelawat yang melawat muzium terus meningkat. Aktiviti luaran yang menarik dan berkesan juga telah memberi peluang kepada pelawat untuk menghayati dan menghargai koleksi artifak yang bernilai tinggi. Melalui aktiviti luaran pihak muzium dapat mendidik masyarakat dengan memberikan pengetahuan mengenai seni tanah air dan seni Asia.

KESIMPULAN

Muzium Seni Asia mempunyai sejarah yang panjang dan menarik dari tahun 1980 hingga 2011. Muzium Seni Asia yang bermula di kampus Universiti Malaya, Kuala Lumpur merupakan sebuah muzium yang unik dan berfungsi sebagai muzium universiti. Pada mulanya Muzium Seni Asia telah ditubuhkan di kampus Singapura dan kemudiannya dipindahkan ke kampus yang terletak di Kuala Lumpur. Pada tahun 1980, Muzium Seni Asia telah mempunyai bangunan sendiri dan telah berkembang sebagai satu institusi penting yang memelihara dan mempromosikan koleksi artifak dan karya yang berada dalam simpanannya kepada masyarakat kampus dan orang luar.

Muzium Seni Asia juga berperanan sebagai sebuah organisasi berorientasikan pendidikan yang cuba menyediakan bahan penyelidikan bagi penuntut, kakitangan universiti dan juga kepada masyarakat luar yang berminat dalam bidang yang berkaitan dengan artifak dan seni. Hal ini secara tidak langsung telah membantu Universiti Malaya untuk muncul sebagai pusat pengajian terbuka yang membantu setiap peringkat atau golongan masyarakat untuk mendapatkan ilmu mengenai seni dan artifak.

Muzium Seni Asia bukan sahaja berfungsi sebagai tempat untuk menyimpan dan mempamerkan barangan lama atau koleksi artifak yang tidak berguna kepada orang ramai juga mendidik masyarakat melalui kaedah artifak dan budaya yang menjadi aset bagi sesebuah bangsa. Muzium Seni Asia berjaya bertahan hingga ke hari ini kerana mendapat sokongan dari pihak tempatan dan antarabangsa. Sokongan ini telah membantu dalam menambahkan koleksi Muzium Seni Asia. Satu lagi perkembangan penting yang telah berlaku dalam sejarah Muzium Seni Asia ialah penubuhan Galeri Seni Universiti

Malaya atau University of Malaya Art Gallery (UMAG) pada 2011 yang telah menambahkan peranan Muzium Seni Asia.

Dari segi pentadbiran, Muzium Seni Asia pada mulanya diletakkan di bawah Canseleri dan kemudian dibawah perpustakaan. Sekali lagi pentadbirannya ditukar ke bahagian lain dan diletakkan dibawah Jabatan Pengajian Melayu dan akhirnya diletakkan di bawah pengurusan perpustakaan. Muzium Seni Asia masih kekal di bawah pengurusan perpustakaan Universiti Malaya hingga ke hari ini.

Muzium Seni Asia merupakan satu-satunya muzium universiti di negara ini yang mempunyai koleksi artifak yang mewakili tiga tamadun utama dunia - Melayu / Islam, Cina dan India. Muzium Seni Asia juga memiliki pelbagai jenis koleksi khususnya dari tamadun Asia. Koleksi yang terdapat di muzium ini terdiri daripada lima kategori yang utama iaitu koleksi seramik dan tembikar, koleksi tekstil, koleksi barang perhiasan dan istiadat, koleksi anyaman dan kelarai dan koleksi ukiran kayu.

Koleksi seramik terdiri daripada 7,000 buah seramik dari Malaysia, Thailand, Kemboja, Vietnam, China, Jepun, India dan Iran. Selain itu, Muzium Seni Asia juga mempunyai bahan koleksi lain seperti koleksi kendi air yang terbesar di dunia, tekstil Melayu, ukiran batu, koleksi lukisan, bahan- bahan anyaman, bahan tembaga dan juga topeng komuniti orang asli. Muzium Seni Asia memainkan peranan penting dalam mengumpul dan memelihara koleksi artifak tanah air dan Asia untuk tatapan generasi muda.

Dalam usaha memasyarakatkan, Muzium Seni Asia telah menjalankan pelbagai jenis aktiviti luran untuk memberi pendedahan mengenai muzium dan koleksi kepada masyarakat umum. Bagi memastikan aktivitinya sampai kepada masyarakat kampus dan

juga kepada masyarakat umum, Muzium Seni Asia telah menganjurkan pameran dan seminar. Pameran dan seminar yang dianjurkan dari tahun 1980 hingga tahun 2011 meliputi pelbagai tema dan telah menarik ramai pelawat ke muzium.

Muzium Seni Asia juga telah menerbitkan banyak karya yang membincangkan tentang koleksi yang terdapat di Muzium dan ini menunjukkan bahawa adanya usaha untuk mengangkat Muzium Seni Asia ke satu kedudukan yang dapat diketahui oleh orang ramai. Muzium Seni Asia juga telah menggunakan media elektronik untuk mempromosikan koleksi dan muzium. Melalui kaedah ini orang ramai dapat mengakses maklumat mengenai Muzium dengan mudah dan cepat tanpa mengira masa dan tempat.

Muzium Seni Asia juga telah menggunakan Galeri Seni Universiti Malaya sebagai satu kaedah untuk mendekatkan muzium dengan masyarakat umum. Galeri Seni Universiti Malaya ini bertujuan untuk menyimpan karya seni yang bernilai tinggi dan berharga. Galeri Seni ini walaupun berada dibawah pengurusan Muzium Seni Asia ia telah muncul sebagai institusi berasingan yang menjalankan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan seni tanah air dan seni Asia untuk menarik orang ramai mengenali karya seni dengan lebih dekat.

Dapatlah dirumuskan bahawa Muzium Seni Asia dari awal penubuhan sehingga tahun 2011, telah melalui sejarah yang cukup panjang dan menarik. Usaha-usaha yang telah diambil dari awal hingga ke hari ini telah meletakkan Muzium Seni Asia dalam satu kedudukan yang cukup gah. Peranan ini terus berkembang pesat dengan adanya sokongan yang diberikan oleh pihak universiti dan para pentadbir yang terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang permuziuman.

BIBLIOGRAFI

Sumber Primer Tidak Diterbitkan

Buku Pelawat Muzium Seni Asia.

Fail Am Artis Residen Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.

Fail Inventori Muzium Seni Asia, Kuala Lumpur.

Fail Senarai Tugas Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.

Sumber Primer Diterbitkan

Laporan Tahunan Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2010.

Laporan Tahunan Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011.

Risalah dan Penerbitan

Pameran Topeng Masyarakat Asia, Muzium Seni Asia Universiti Malaya, 1998.

Risalah Galeri Seni Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Risalah Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Risalah Pameran Malapetaka Bom Atom: Tragedi Hiroshima dan Nagasaki 1945, Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.

Seni Tekstil Tradisi Melayu, Kuala Lumpur: Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, 1996.

Songket: Satu Warisan Malaysia, Petronas: Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, 1999.

Wawancara

Wawancara dengan En. Abdul Aziz Bin Abdul Rashid, Ketua Muzium Seni Asia pada 21 Februari 2014 di Muzium Seni Asia.

Sumber Sekunder

Buku

Ambrose T. dan Paine.C, *Museum Basics*, London: Routledge,1993.

Ayuni Rezwan, *DiManakah Budaya Bangsa Dipelihara?*, Sri Muzium dan Kota Warisan Malaysia: Penerbitan Premier, 2009, Jilid 1.

40 Tahun Muzium Negara (1963-2003) , Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara, 2003.

Hasuria Che Omar, Noriah Mohamed dan Radiah Yusoff, *Bahasa Verbal dan Bukan Verbal II: Linguistik Sastera dan Peradaban, Jilid 2*: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad , 2009.

Hashim Yaacob, *Royal Professor Ungku A. Aziz The Renaissance Man*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2010.

Harris Mark, *Muzium Negara Kuala Lumpur : Sejarah dan Kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co., 1990.

Khoo Joo Ee, *Kendi Pouring Vessels in the University of Malaya Collection*, Singapore: Oxford University Press, 1991.

Lim Thean Soo, *Comparative Museology and Museography in Asean* , Manila: Association of Southeast Asian Nations Committee on Culture and Information, 1978.

Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda, 1999.

N. Miksic John (ed.), *Southeast Asian Ceramics: New Light on Old Pottery*, Singapore: Southeast Asian Ceramic Society, 2009.

Parry . R (ed.), *Museums in a Digital Age*, New York: Routledge, 2010.

Shireen Nazri, *Convergence: Past, Reality & Future: Selected Artworks of Petronas Art Collection*, Galeri Petronas, 2013.

Silverman L.H. , *The Social Work Of Museums*, New York: Routledge, 2010.

Sullivan Michael, *University of Malaya Art Museum=Muzium Kesenian Universiti Malaya*, Singapore, University of Malaya,1959.

Syahrul Nizam Junaini, *Muzium : Institusi Warisan Bangsa*: Dewan Budaya , 2008.

Syed Ahmad Jamal, *Rupa Dan Jiwa*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1979.

Wiessala Georg, *European Studies in Asia: Contours of a Discipline*, London: Routledge, 2014.

Woodhead Peter dan Stansfield Geoffrey, *Keyguide To Information Sources In Museum Studies*, London: Mansell Publishing Limited, 1994.

Bab Dalam Buku

Abdul Aziz Abdul Rashid, “Koleksi Muzium Seni Asia”, dalam *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Ketua Ediror, Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda, 1999.

Kamarul Baharin Abu Kassim “Penekanan Dan Disiplin Koleksi Muzium” dalam *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda, 1999.

Mohd Yusof bin Abdullah, “ Muzium Dan Masyarakat: Fungsi, Objektif dan Peranan Muzium Hari Ini” dalam *Jaringan Muzium Asia Timur : East Asia Museum Network*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah et. al., *Jaringan Muzium Asia Timur : East Asia Museum Network* Kuala Lumpur, Institut Perkembangan Minda, 1999.

Othman Yatim, “Peranan Muzium Dalam Mendidik Masyarakat: Pendidikan Formal Dan Tidak Formal” dalam *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Ketua Editor, Mohd Ali Ngah, *Jaringan Muzium Asia Timur: East Asia Museum Network*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda, 1999.

Tesis

Juhazniza Musa, “Sejarah Perkembangan, *Muzium Negara dari tahun 1963 hingga 2004*,” Desertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2008.

Ensiklopedia dan Kamus

The Consice Oxford Dictionary of Current English, 4th edition, Oxford: Clarendon Press, 1995.

The New Encyclopedia Britannica, vol.24, New York: University of Chicago Press, 1993.

Surat Khabar

- Berita Harian*, 25 Februari 2010.
Berita Harian, 25 Jun 2010.
Berita Harian, 17 November 2011.
New Sunday Times, 12 Mac 1995.
Utusan Malaysia, 29 November 2010.

Majalah

- Alat- alat Penulisan Silam Kaya dengan Kesenian Indah”, *Budiman*, Mac / April, 2000.
“Apakah motif tembikar China?”, *Budiman*, Mac/ April, 2002.
Budiman, 15 September 1976.
“Caping”, *Budiman*, Mei/ Jun, 1999.
“Gendang Dongson”, *Budiman*, Mei/ Jun, 1997.
“Keistimewaan Muzium Seni Asia”, *Budiman* Mac, 2006.
“Kendi”, *Budiman*, *Budiman*, Ogos/ September, 1998.
“Keris.. seseorang yang meletakkan keris bermakna ia meletakkan jawatannya”, *Budiman*, September/ Oktober , 2000.
“Koleksi Muzium Seni Asia”, *Budiman*, 15 Januari 1987.
“Koleksi Lukisan Muzium Seni Asia”, *Budiman*, Julai/ Ogos, 2000.
“Mistar peralatan astronomi Islam”, *Budiman*, November / Disember , 2000.
“Misteri Cindai”, *Budiman*, Mac/ April, 1999.
“Muzium dan Globalisasi”. *Budiman*, Julai/ Ogos 2002.
“Muzium sebagai institusi pendidikan”, *Budiman* , September/ Oktober 2002.
“Pemuliharaan Preventif Selamatkan Artifak Daripada ‘pencuri senyap’ ”, *Budiman*, Januari/ Februari ,2001.

- “Proselin Kraak”, *Budiman*, November/ Disember, 1998.
- “Surat Lord Minto”, *Budiman*, Januari/ Februari, 1998.
- “Tembikar Celadon”, *Budiman*, November/ Disember, 1999.
- “Tembikar Karatsu”, *Budiman*, November/ Disember, 1997.
- “Tembikar khemer”, *Budiman*, Julai/ Ogos, 1999.
- “Tembikar Seni Islam”, *Budiman*, November/Disember, 2002,
- “Tempayan”, *Budiman*, Jan/ Februari, 1999.
- “Tepak Sirih Melayu”, *Budiman*, Januari/ Februari, 2000.
- “Topeng : Wajah Palsu”, *Budiman*, November/ Disember, 1998.

Kertas Persidangan

N.N Edzan dan Abdul Aziz Rashid, The Museum of Asian Art, University of Malaya : An Invitation to Explore, APRU Research Symposium on University Museums: Forming a University Museum Collection Network as the Core of Frontier Research, 11-14 Sep 2012, Kyoto, Japan.

Kertas Seminar

“Seminar Sehari Seni Bina dan Seni Ukiran Kayu Melayu”, Universiti Malaya, Muzium Seni Asia, Kuala Lumpur, 2001.

“Seminar Tembikar Tradisi di Malaysia”, Universiti Malaya, Muzium Seni Asia, Kuala Lumpur, 2008.

Syarahan Umum dan Bengkel: Mengenali Beberapa Spesis Keris Buatan Semenanjung, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007.

Laman Sesawang

<http://www.jmm.gov.my/> Jabatan Muzium Malaysia (tarikh diakses 28 September 2013).

<http://www.museum.um.edu.my/> (tarikh diakses 20 April 2014).

<https://ms-my.facebook.com/Muzium.Seni.Asia.Galeri.Seni.UM> (tarikh diakses 6 Mei 2014).

<http://dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=articles&Article> (tarikh diakses 1 Mei 2014).

http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_772_2004-12-29.html (tarikh diakses 1 Mei 2014).

<http://www.artgallery.gov.my/syed-ahmad-jamal> (tarikh diakses 1 Mei 2014).

<http://azizras.wordpress.com/2014/01/14/ibrahim-hussein/> (tarikh diakses 1 Mei 2014).

<http://www.culturalindia.net/indian-art/painters/m-f-hussain.html> (tarikh diakses 1 Mei 2014).

[http:// diwanikraf.com](http://diwanikraf.com) (tarikh diakses 4 Mac 2014).

Universiti Malaysia